

BAB

II

BAB KEDUA

JENIS-JENIS PENYAKIT YANG DIHARUSKAN FASAKH MENURUT FUQAHA'

2.1 Pengenalan

Di dalam kitab-kitab fiqh klasik mahupun kontemporari, didapati bahawa perbincangan tentang masalah fasakh disebabkan penyakit ini dikenali dengan nama fasakh kerana *al-'ayb* (jamaknya ialah *al-'ayūb*). Kebanyakan daripada perbincangan di dalam kitab tersebut terus membicarakan tentang jenis-jenis penyakit tanpa memberikan satu definisi secara jelas apakah yang dimaksudkan dengan aib itu sendiri.

Berdasarkan kepada penganalisaan yang dibuat, didapati bahawa keaiban yang menjadi tajuk perbincangan para fuqaha' silam lebih kepada bentuk-bentuk penyakit seperti yang dikenali pada hari ini khususnya dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan ilmu perubatan seperti yang diguna pakai oleh fuqaha'-fuqaha' kontemporari masa kini.¹

Sepertimana yang kita sedia maklum, majoriti daripada fuqaha' telah sependapat tentang harus fasakh kerana penyakit, namun di kalangan mereka terdapat perbezaan pendapat dari aspek jenis-jenis penyakit yang boleh diterima sebagai alasan fasakh. Oleh kerana itu, perbincangan dalam bab kedua akan menyentuh isu-isu tersebut secara menyeluruh dengan melihat pandangan-

¹ Dr. Mat. Sa'ad Abd. Rahman (1993), *op.cit.*, h. 19. Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim (1999), *op.cit.*, h. 14.

pandangan fuqaha' di samping melihat secara jelas berhubung konsep *al-'ayb* itu sendiri.

Selain daripada itu, di dalam bab ini juga akan dibincangkan sejauhmanakah penyakit-penyakit yang telah disebutkan tadi menjejaskan hubungan suami isteri sehingga ianya dapat dijadikan salah satu faktor keharusan fasakh .

2.2 Definisi 'Ayb

Perkataan *al-'ayb* pada bahasa menurut Ibn Manzūr membawa maksud *al-waṣamah* (الوصمة) yang bererti suatu yang cacat, cela atau melemahkan badan.² Jamak (*plural*) kepada perkataan *al-'ayb* ialah *al-'uyūb* dan *al-a'yāb*. Apabila dikatakan '*abāhu* atau '*abbāhu* bermaksud mempunyai keaiban atau kecelaan. Istilah ini pernah disebut dalam al-Qur'an yang berbunyi:

فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا

Surah al-Kahfi (18): 79.

Maksudnya: Dan aku bertujuan merosakkan bahtera itu.

Berdasarkan kepada penggunaannya di dalam ayat tersebut bahawa perkataan aib juga boleh diertikan sebagai kerosakan yang mana maksudnya lebih hampir kepada makna cacat. Ini adalah kerana kerosakan yang berlaku akhirnya boleh membawa kepada kecacatan. Di samping itu, perkataan *al-'ayb* juga telah

² Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-'Arab*, j. 2., Beirut: Dār al-Fikr, h. 123-125.

diterima pakai dalam penggunaan bahasa Malaysia dan diistilahkan sebagai “aib”. Perkataan aib menurut penggunaannya dalam Kamus Dewan diertikan sebagai sesuatu yang boleh menimbulkan rasa malu atau hina akibat daripada sesuatu perbuatan atau sesuatu yang selain daripada perbuatan.

Perkataan aib boleh juga diertikan sebagai cacat atau sifat-sifat kekurangan dan ketidaksempurnaan.³ Daripada beberapa penafsiran di atas, boleh disimpulkan bahawa *al-‘ayb* ialah suatu kecacatan atau kekurangan yang ada pada seseorang yang mana kewujudannya boleh menimbulkan perasaan malu atau hina.

Definisi ini lebih tepat dengan maksud yang dikehendaki oleh para fuqaha’ apabila mereka membicarakan tentang persoalan fasakh (*al-khiyār*) kerana aib. Menurut Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān, maksud *al-‘ayb* menurut perspektif fuqaha’ ialah sesuatu yang mengharuskan suami isteri bercerai atau berpisah disebabkan oleh tiga faktor utama.⁴

- 1) Pertama ialah disebabkan oleh berlakunya sesuatu perkara yang tidak memungkinkan pasangan suami isteri meneruskan kehidupan bersama seperti penyakit gila (*junūn*).
- 2) Kedua ialah disebabkan oleh penyakit yang boleh mendatangkan kesan mudarat apabila ia merebak atau kerana ia boleh menjangkiti kepada pasangannya seperti penyakit kusta (*judhām*).
- 3) Ketiga ialah apabila berlaku sesuatu perkara yang boleh menghalang daripada kelangsungan hidup suami isteri khususnya penyakit yang

³ Hajah Noreah Bt Baharom et al. (ed.) (1998), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 14.

⁴ Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān (t.t), *op.cit.*, j. 9, h. 12.

menghalang daripada berlaku hubungan seksual seperti penyakit mati pucuk (*al-'unnah*) yang dialami oleh suami, atau penyakit *al-rataq* (ketumbuhan daging pada faraj) dan *al-qaran* (ketumbuhan tulang pada faraj) yang mana kedua-dua boleh menghalang isteri daripada disetubuhi oleh suami.

Bagaimanapun, berdasarkan kepada ilmu perubatan moden, didapati setiap *al-'ayb* atau kecacatan yang dibincangkan oleh para fuqaha' baik fuqaha' silam mahupun kontemporari, lebih tepat jika diistilahkan sebagai penyakit. Misalnya *al-'unnah* (impoten) yang telah dimasukkan oleh fuqaha' sebagai sebahagian daripada *al-'ayb* yang mengharuskan fasakh lebih dikenali sebagai penyakit yang berkaitan dengan anggota reproduksi lelaki atau sakit tuan.⁵

Di samping itu *al-junūn* (gila) juga adalah salah satu daripada jenis-jenis penyakit. Dalam bidang perubatan psikologi atau psikiatri, gila lebih dikenali sebagai gangguan mental.⁶ Begitu juga dengan penyakit *al-judhām* (kusta) atau *leprosy* yang mana para fuqaha' telah menyenaraikannya sebagai termasuk di dalam kumpulan *al-'ayb* yang mengharuskan fasakh perkahwinan, namun dalam konteks sains perubatan moden ia dikenali sebagai penyakit kronik yang berpunca daripada *mycobacterium leprae*.⁷

Daripada penjelasan tersebut, dapat dijadikan bukti bahawa *al-'ayb* atau jamaknya *al-'uyūb* menurut pandangan fuqaha' boleh dimaksudkan sebagai

⁵ Dr. Mohd Ismail Tambi (1995), *Pengenalan Dan Rawatan Sakit Tuan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, h. 1.

⁶ Syed Hassan al-Mashoor et al. (1993), *Gangguan Mental*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 2.

⁷ Clayton L. Thomas (ed.) (1985), *Tabers Cyclopedic Medical Dictionary*, Philadelphia: PG Publishing Pte. Ltd., h. 943.

penyakit dari perspektif ilmu sains perubatan moden. Oleh kerana itu, agak tepat jika dikatakan, perbincangan fuqaha' mengenai fasakh kerana 'ayb sebenarnya adalah fasakh kerana penyakit. Seterusnya perbahasan fuqaha' mengenai jenis-jenis 'ayb yang mengharuskan fasakh sebenarnya adalah perbincangan tentang jenis-jenis penyakit yang boleh dijadikan alasan untuk fasakh.

Istilah 'ayb dengan maksud penyakit juga telah digunakan oleh fuqaha' kontemporari seperti Dr. Wahbah al-Zuhaylī yang telah membincangkan perbahasan fasakh kerana penyakit sebagai *al-tafrīq bi al-'uyūb aw bi al-'ilal*.⁸ Ini adalah kerana perkataan 'ilal itu sendiri membawa maksud sakit atau penyakit. Selain beliau, seorang lagi tokoh fuqaha' kontemporari yang juga menggunakan istilah *al-'ayb* dengan maksud penyakit ialah Mustafā al-Sibā'īe di mana dalam perbincangannya, beliau telah menggunakan perkataan *al-'ilal* atau penyakit secara langsung apabila membicarakan tentang persoalan fasakh kerana penyakit di dalam bab *al-tafrīq li al-'ilal*.⁹

Berdasarkan pendapat fuqaha' kontemporari tersebut telah menyokong pendapat yang mengatakan *al-'ayb* yang dimaksudkan oleh fuqaha' silam seharusnya lebih tepat jika dimaksudkan sebagai penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh perkahwinan.

⁸ al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j. 7, h. 514.

⁹ Dr. Mustafā al-Sibā'īe (1997), *Syarah Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*, j. 1, c. 7, Damsyiq. Maktabah al-Islāmī, h. 231.

Secara umumnya terdapat dua kumpulan pendapat fuqaha' mengenai persoalan tersebut, iaitu golongan *al-Zāhiriyyah* dan golongan ulama jumhur.¹⁴

Menurut golongan *al-Zāhirī*, mereka berpendapat bahawa *'ayb* bukanlah satu alasan untuk memfasakhkan perkahwinan. Dengan yang demikian menurut pandangan mereka lagi, baik pihak suami mahupun isteri tidak mempunyai hak untuk memfasakhkan perkahwinan mereka. Namun begitu tidak ada halangan bagi suami untuk menceraikan isterinya sekiranya mereka memilih untuk berpisah.¹⁵ Tidak adanya hak suami atau isteri untuk fasakh itu adalah secara mutlak, sekali pun penyakit-penyakit yang dihadapi itu melibat persoalan hubungan seksual (*al-jins*).¹⁶

Alasan yang dikemukakan oleh golongan *al-Zāhirī* ialah akad perkahwinan yang telah sah tidak boleh difasakhkan hanya semata-mata kerana sebab penyakit yang dihadapi. Sekiranya diharuskan fasakh pada akad perkahwinan yang telah sah akan menjejaskan objektif asal perkahwinan itu sendiri malah ianya tidak akan mencapai matlamat yang dikehendaki daripada perkahwinan tersebut.¹⁷

Sementara itu, bagi golongan yang kedua pula yang terdiri daripada jumhur fuqaha' (majoriti) mengatakan adalah harus menuntut fasakh jika terdapat penyakit-penyakit yang serius samada pada suami atau isteri.¹⁸ Pendapat ini telah dipegang oleh majoriti ulama dan di antara mereka termasuklah Ibn Syihāb, al-Zuhrī, Syuraih, Abū Thūr dan lain-lain. Mereka memberi alasan bahawa

¹⁴ al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, j. 7. h. 516.

¹⁵ *Ibid*

¹⁶ al-Sibā'ī (1997), *op.cit.*, h. 213

¹⁷ Badrān Abū al-'Ainīn Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 436

¹⁸ al-Sibā'ī (1997), *op.cit.*, h. 232

kesempurnaan sesuatu akad perkahwinan mencakupi ia mestilah bebas daripada sebarang 'ayb' atau penyakit justeru jika terdapat penyakit-penyakit yang boleh menjejaskan kesempurnaan akad tersebut, maka harus thabit *khiyār* (fasakh).¹⁹

;

Pendapat jumhur fuqaha' yang mengatakan keharusan fasakh kerana alasan penyakit inilah sebenarnya yang menjadi pegangan Imām Mālik. Imām Syāfi'īe dan Imām Ahmad berasaskan riwayat daripada 'Umar, 'Alī, Jābir, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbās, al-Zuhrī, Rabī'ah dan Ishāq.²⁰ Pandangan mereka ini berasaskan riwayat Imām Mālik yang diterima daripada Sa'īd bin al-Musayyab yang berkata:

إِذَا رَجَلَ تَزَوَّجَ امْرَأَةً بِهِ جُنُونٌ أَوْ ضَرْرٌ، فَإِنَّهَا بِالْخِيَارِ: فَإِنْ شَاءَتْ قَرَّتْ
وَأِنْ شَاءَتْ فَارْقَتْ .

Maksudnya:

Mana-mana lelaki yang mengahwini seorang perempuan sedangkan dia gila atau terdapat sesuatu perkara yang boleh memudaratkan maka harus bagi perempuan itu *khiyār* (pilih) sama ada dia hendak terus kekal atau fasakh..

Bagaimanapun, Imām Abū Hanīfah mempunyai pandangan yang berbeza daripada tiga imam yang lain. Menurut beliau, suami tidak boleh memilih untuk memfasakh perkahwinan sekiranya terdapat penyakit pada isterinya kerana suami mempunyai kuasa talaq terhadap isterinya. Oleh kerana itu, sekiranya isteri mengidap penyakit yang boleh menghalang hubungan seksual, suami boleh

¹⁹ *Ibid*

²⁰ Dr. Hāsyim Jamil 'Abd Allāh (1985), *op.cit.*, j. 3, h. 233

menceraikan isterinya pada bila-bila masa. Sebaliknya, isteri mempunyai hak untuk fasakh sekiranya pihak suami mengidap penyakit-penyakit tersebut.²¹

Berdasarkan kepada pandangan Imām Abū Ḥanīfah, boleh difahami bahawa fasakh kerana penyakit khususnya yang berhubung dengan persoalan *al-jins* (hubungan seksual) adalah menjadi hak isteri dan bukan hak suami kerana isteri tidak mempunyai kuasa talaq sebagaimana yang ada pada suami. Dengan itu menurut Imām Abū Ḥanīfah lagi, adalah rasional apabila hak fasakh diberikan kepada isteri.

Daripada beberapa pendapat fuqaha' yang telah dikemukakan sebelum ini dengan jelas menunjukkan bahawa kesemua imam mazhab iaitu Hanafi, Mālikī, Syāfi'īte dan Hanbalī membenarkan kedua-dua pihak suami dan isteri untuk melakukan fasakh perkahwinan kerana penyakit.²² Walaupun pada dasarnya didapati Imām Abū Ḥanīfah hanya membenarkan fasakh kepada pihak isteri, tidak kepada pihak suami tetapi suami boleh memilih untuk berpisah secara talaq.

Pendapat yang rajih di antara tiga pendapat tersebut ialah pendapat jumhur yang memberi hak kepada kedua-dua pihak suami dan isteri untuk melakukan fasakh. Walaupun pendapat Imām Abū Ḥanīfah ada logiknya untuk tidak memberikan hak fasakh kepada suami namun pendapat jumhur didapati lebih rasional. Ini kerana jika suami diberi hak fasakh sudah tentu mereka akan lebih bermanfaat kerana fasakh tidak mengurangkan bilangan talaq suami.²³ Dengan

²¹ al-Sibā'īte (1997), *op. cit.*, h. 232.

²² Badrān Abū al-'Ainīn Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 426.

²³ al-Jazīrī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 424.

ini, jika suami menceraikan isteri secara talaq disebabkan penyakit yang dialami oleh isteri, bilangan talaq suami akan berkurangan.

Berbeza dengan pendapat jumhur fuqaha', didapati pendapat golongan Zāhiriyyah (al-Zāhirī) adalah amat tidak wajar sekali kerana tidak membenarkan secara mutlak suami isteri untuk fasakh sekalipun di antara mereka mengidap penyakit yang serius di mana pendapat tersebut selari dengan pendapat yang dikeluarkan oleh 'Umar bin 'Abd al-'Azīz yang mengatakan suami atau isteri tidak berhak untuk fasakh.²⁴ Pendapat al-Zāhiriyyah ini dilihat dari aspek jangka panjang boleh memudaratkan (*darar*) kedua-dua pihak suami dan isteri yang tidak mungkin lagi dapat meneruskan hidup bersama tetapi mereka tidak dibenarkan untuk memfasakhkan perkahwinan. Sedangkan kemudaratannya itu perlu dihindari walau dalam apa alasan sekalipun, khususnya alasan-alasan yang berkaitan dengan penyakit.²⁵

Memaksa suami isteri tinggal bersama tanpa diharuskan fasakh dalam keadaan mereka mengidap penyakit-penyakit tertentu boleh dianggap sebagai satu kezaliman. Ini adalah berdasarkan kepada kaedah *al-qiyas* terhadap kes suami yang tidak memberi nafkah isteri boleh dianggap sebagai perbuatan yang zalim.²⁶

Di samping itu, terdapat bukti di mana fasakh yang disebabkan oleh penyakit ini merupakan amalan sunnah sejak dari zaman Rasulullah s. 'a.w dan diteruskan oleh para sahabat. Terdapat beberapa buah hadith dan *athar al-sahābah* yang pernah menceritakan bahawa Rasulullah s. 'a.w pernah melakukan fasakh seperti yang dilakukan kepada seorang wanita dari Banī Ghifār kerana wanita tersebut

²⁴ al-Qurṭūbī, (1970), *op.cit.*, h. 59.

²⁵ Dr. Hāsyim Jamīl (1985), *op.cit.*, h. 234.

²⁶ Abū Zahrah (1957), *op.cit.*, h. 408.

mengidap sopak (*al-baras*).²⁷ Selain itu, Saidina ‘Umar al-Khattab juga pernah mengeluarkan keputusan dengan memberikan tempoh kepada suami yang telah didakwa oleh isterinya sebagai mengidap mati pucuk (*al-‘unnah*) selama setahun sebelum memfasakhkan perkahwinan mereka berdua. Hujah tersebut diperkuatkan lagi berdasarkan kepada sebuah riwayat :²⁸

من تزوج امرأة فلم يستطع ان يمسه فانه يضرب له اجل سنة
فان مسمها والا فرق بينهما .

Hadith di atas menjadi pegangan serta sandaran golongan jumhur fuqaha’ termasuk imam mazhab yang empat. Tambahan pula hadith tersebut telah diriwayatkan oleh ‘Umar, ‘Alī, Ibn Mas‘ūd, al-Mughīrah bin Syu‘bah, ‘Atā’, al-Nakha’ie, al-Hasan, Rabī‘ah, Syuraih, ‘Amar bin Dīnār, Hamad, al-Awzā’īe, al-Hasan bin Hay dan al-Laith.²⁹

2.4 Penyakit-Penyakit (*al-‘Uyūb*) Yang DiHaruskan Fasakh Menurut Fuqaha’

Sebenarnya di dalam perbincangan topik ini adalah sama seperti perbincangan dalam topik yang sebelumnya dari segi terdapatnya perbezaan pandangan di kalangan fuqaha’ dalam menentukan kategori-kategori penyakit yang mengharuskan suami isteri menuntut fasakh. Dalam hal ini juga para fuqaha’ telah melihat sama ada jenis-jenis penyakit itu hanya berlaku kepada suami sahaja dan isteri sahaja atau pun penyakit tersebut berlaku kepada kedua-duanya suami dan

²⁷ al-Syirāzī (t.t) *op.cit.* , j. 2. h. 48

²⁸ Hadith riwayat Mālik daripada Ibn Syihāb daripada Sa‘īd bin al-Musayyab dalam Dr. Hāsyim Jamil ‘Abd Allāh (1985), *op.cit.* , h. 235-236.

²⁹ *Ibid.* , h 235, Syarbīnī Khafīb, (t.t), *op.cit.* , j. 3. h. 205.

isteri. Sebahagian fuqaha' membenarkan fasakh terhadap penyakit yang dihadapi oleh isteri sahaja.³⁰ Manakala majoriti di kalangan fuqaha' telah bersetuju keharusan fasakh mencakupi penyakit-penyakit yang dihadapi oleh kedua-dua pasangan suami isteri.³¹

Dalam perbincangan tersebut juga didapati para fuqaha' telah membahagikan jenis-jenis penyakit dengan melihat implikasinya terhadap hubungan seksual (*al-jins*) dan sejauhmanakah penyakit tersebut menghalang suami isteri melakukan hubungan seksual tersebut.³² Di dapati juga sebahagian fuqaha' yang bersikap lebih terbuka di mana mereka telah mengharuskan fasakh perkahwinan walaupun terhadap penyakit-penyakit yang tidak melibatkan hubungan seksual kerana mereka berlandaskan kepada konsep *maslahah* (kepentingan) yang sebenarnya hendak diwujudkan disebalik sebuah perkahwinan yang telah didirikan itu. Dengan kerana itu, bagi golongan yang bersikap *open minded* ini apa sahaja penyakit yang boleh menghalang suami isteri daripada mencapai kebahagiaan hidup bersama di haruskan fasakh.³³

2.4.1 Jenis-Jenis Penyakit Yang Diharuskan Fasakh

Menurut Imām Abū Hanīfah dan Abū Yūsuf, hanya terdapat tiga jenis penyakit sahaja yang diharuskan fasakh. Penyakit tersebut ialah *al-jabb* (terpotong zakar), *al-'unnah* (impoten) dan *al-khiṣā'* (kembiri).³⁴ Ketiga-tiga jenis penyakit tersebut hanya khusus kepada golongan lelaki sahaja. Oleh itu, menurut mereka

³⁰ al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 180.

³¹ Dr. Badrān Abū al-'Ainīn Badrān (t.t), *op. cit.*, h. 436.

³² al-Sibā'ī (1997), *op. cit.*, h. 233.

³³ *Ibid.* h. 232.

³⁴ al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 517.

penyakit tersebut diharuskan fasakh kerana tidak ada jaminan untuk sembuh. Malah ketiga-tiga penyakit tersebut menurutnya lagi boleh meninggalkan implikasi buruk serta memudaratkan kedua-dua pihak lebih-lebih lagi kepada pihak isteri. Tambahan pula suami yang mengidap penyakit tersebut akan menyebabkan objektif sebenar daripada perkahwinan seperti untuk mendapatkan zuriat dan keturunan serta terpelihara kehormatan daripada maksiat dan sebagainya tidak akan tercapai.³⁵

Sementara penyakit-penyakit yang lain selain yang disebutkan di atas menurut pendapat Imām Abū Hanīfah yang sahīh tidak mengharuskan suami isteri untuk fasakh. Penyakit-penyakit yang dimasukdkan itu termasuklah penyakit *al-junūn* (gila), *al-judhām* (kusta) dan *al-baras* (sopak), *al-rataq* (tumor berbentuk daging) dan *al-qaran* (tumor berbentuk tulang) pada saluran faraj wanita.

Imām Mālik dan Imām Syāfi‘īe pula mempunyai pandangan sebaliknya. Mereka berpendapat kedua-dua pihak, suami dan isteri berhak menuntut fasakh apabila mereka mengidap penyakit sama ada penyakit yang berhubung dengan *al-jinsiyah* (hubungan seksual) atau penyakit yang menyentuh emosi (*al-munāfirah*) seperti rasa jijik, benci atau tidak suka kepada penyakit itu dan sebagainya.³⁶

Menurut mazhab Mālikī pula, para fuqaha’ mereka telah membuat pengklasifikasian penyakit-penyakit yang diharuskan fasakh kepada tiga kategori dan kesemuanya sebanyak tiga belas jenis penyakit.³⁷ Berdasarkan kepada kategori yang telah dibuat oleh Imām Mālik tersebut, kategori pertama ialah

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

³⁷ al-Jazīrī (1986), *op.cit* , j . 4 , h . 181.

empat jenis penyakit yang *al-musyarak* iaitu yang boleh berlaku kepada kedua-dua pihak suami dan isteri seperti *al-junūn*, *al-judhām*, *al-baras* dan penyakit *al-adhyūtah* (keluar najis ketika berlaku hubungan seksual).³⁸

Kategori kedua pula ialah penyakit yang khusus kepada suami sahaja di mana ianya terdiri daripada empat jenis iaitu *al-jabb*, *al-'unnah*, *al-khiṣā* dan penyakit *al-i'tirād* iaitu lemah atau tidak mampu untuk melakukan hubungan seksual disebabkan oleh oleh penyakit atau sebagainya.³⁹

Manakala kategori ketiga ialah penyakit yang khusus berlaku kepada isteri sahaja dan terdiri daripada tiga jenis penyakit. Penyakit tersebut ialah *al-rataq*, *al-qaran*, *al-'afal* iaitu daging atau kelenjar lebihan yang tumbuh pada faraj serta mengeluarkan buih yang menitis (*al-raghwah*) hingga boleh menghalang kelazatan ketika melakukan hubungan seksual,⁴⁰ dan *al-bikhar* iaitu sejenis penyakit yang mengeluarkan bau yang bersangatan dari faraj.⁴¹

Fuqaha mazhab Syāfi'īe telah membahagikan penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh kepada tujuh jenis semuanya. Tiga daripadanya adalah penyakit *al-musyarak*, yang berlaku kepada kedua-dua pihak, lelaki dan wanita (suami isteri) seperti *al-judhām*, *al-baras* dan *al-junūn*.⁴² Daripada pembahagian tersebut juga telah menunjukkan bahawa fuqaha' Syāfi'īyyah telah tidak sependapat dengan fuqaha' Mālikiyyah berkenaan dengan penyakit *al-adhyūtah* kerana menurut fuqaha' Syāfi'īyah ia tidak dianggap sebagai satu

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*, h. 183.

⁴⁰ al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 518.

⁴¹ *Ibid.*, al-Jaziri (1986), *op.cit.*, h. 183.

⁴² *Ibid.*

penyakit yang mengharuskan fasakh.⁴³ Selain itu, dua jenis penyakit lagi yang khusus kepada kaum wanita (isteri) sahaja iaitu *al-ratq* dan *al-qarn*. Dua jenis yang lain pula berlaku kepada kaum lelaki (suami) sahaja seperti *al-jabb* dan *al-'unnah*.⁴⁴

Mazhab Hanbalī juga telah membahagikan penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh di antara lelaki dan wanita kepada tiga kategori. Kategori yang pertama ialah penyakit yang khusus kepada lelaki sahaja seperti *al-jab*, *al-'unnah* dan *al-khiṣā'*. Kategori kedua ialah penyakit yang khusus kepada kaum wanita sahaja yang terdiri daripada penyakit *al-rataq*, *al-qarn*, *al-'afal* (keluar buih menitis ketika melakukan hubungan seksual), penyakit *al-fataq* (terkoyak di antara saluran kencing hingga saluran persetubuhan), *al-istihādah* (keluar darah penyakit selain haid) dan penyakit *bakhr al-faraj* atau *natn al-faraj* (penyakit berbau faraj).⁴⁵

Di samping itu, kategori yang ketiga pula ialah jenis-jenis penyakit yang boleh terkena kepada lelaki dan boleh juga terkena kepada wanita (*al-musytarak*). Penyakit-penyakit yang dimaksudkan termasuklah *al-junūn*, *al-baraṣ*, *sal-sal al-baul* (kencing yang menitis tanpa henti) atau menurut istilah perubatan di kenali sebagai *incontinence of the urinary*, *al-'adhyūtah* (keluar najis ketika melakukan hubungan seksual), *al-zuhrī* (sifilis), *al-bāsūr* (buasir), *al-nāsūr* (luka pada faraj yang tidak boleh sembuh), penyakit *al-qar'ū* (penyakit bau kepala kerana botak), penyakit *bakhr al-fam* (berbau nafas) dan yang terakhir ialah apabila ternyata

⁴³ al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 194.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 196.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 197.

salah seorang di antara suami atau isteri itu mengalami *al-khunsa*.⁴⁶ Oleh itu, menurut mazhab Hanbalī terdapat sebelas jenis penyakit semuanya yang boleh berlaku kepada lelaki dan wanita yang mana jika wujud penyakit-penyakit tersebut pada salah seorang di antara suami atau isteri, harus fasakh.

Daripada penyakit-penyakit yang dinyatakan di atas dapat disimpulkan bahawa fuqaha' mazhab Hanbalī juga telah membahagikan penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh perkahwinan tidak lari daripada tiga kategori yang utama, sama ada yang termasuk di bawah kategori yang menghalang hubungan seksual (*al-jinsiyah*), atau penyakit yang menimbulkan rasa jijik atau benci (*al-munfirah*) dan penyakit-penyakit yang berpunca daripada perbuatan maksiat seperti *al-zuhrī* (sifilis) dan penyakit berjangkit *al-sil* iaitu batuk kering atau *tuberculosis*.⁴⁷

Terdapat juga pandangan daripada golongan fuqaha' yang kemudian seperti al-Zuhrī, Syurairi dan Abū Thūr yang juga telah dipersetujui oleh Ibn Qayyim di mana pendapat mereka ini hampir sama dengan pendapat Imam Ahmad bin Hanbal kerana melihat persoalan penyakit dari skop yang lebih luas.⁴⁸ Menurut golongan ini apa sahaja penyakit yang boleh menimbulkan gangguan emosi akibat kewujudan penyakit-penyakit seperti yang disebutkan sebelum ini di kalangan suami isteri, sebagai jalan penyelesaiannya diharuskan fasakh. Mereka juga tidak membataskan samada penyakit tersebut adalah penyakit yang diiktiraf oleh hakim atau tidak.⁴⁹ Antara penyakit yang dimaksudkan itu termasuklah *al-'aqam*

⁴⁶ *Ibid.*, h. 198.

⁴⁷ al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 518.

⁴⁸ *Ibid.*, 519.

⁴⁹ *Ibid.*

(mandul), *al-kharas* (bisu), *al-'arīj* (pincang), *al-tarisy* (pekak), kudung keJua kaki dan tangan atau kudung sebelah daripada tangan atau kaki.⁵⁰ Pendapat mereka ini diperkuatkan lagi oleh apa yang pernah dipraktikkan oleh Saidina 'Umar al-Khattab berdasarkan kepada sebuah riwayat daripada Abū 'Ubaid bin Sulayman bin Yasār di mana dalam riwayat tersebut menyatakan Saidina 'Umar telah memerintahkan kepada Ibn Sandar agar memaklumkan kepada isterinya bahawa dia (Ibn Sandar) adalah seorang yang *khāṣi* (kembiri) dan seterusnya menyuruh isterinya membuat *khiyār* (pilihan) sama ada hendak fasakh atau tidak.⁵¹

Berdasarkan kepada jenis-jenis penyakit yang telah disenaraikan oleh para fuqaha' mazhab tadi, jelas menunjukkan di kalangan mereka memang tidak sependapat dalam menentukan jenis penyakit yang mengharuskan fasakh. Walaupun begitu, dari pendapat-pendapat mereka mengenai penyakit-penyakit yang mengharuskan fasakh boleh diklasifikasikan kepada dua kategori yang utama.

Pertama ialah penyakit yang telah disepakati oleh semua imam mazhab dan para fuqaha' dari aliran masing-masing. Manakala yang kedua ialah penyakit-penyakit yang tidak disepakati di antara mereka di samping perbezaan-perbezaan istilah yang digunakan oleh fuqaha' tersebut kerana walaupun penyakit yang dimaksudkan adalah sama tetapi istilah yang digunakan adalah berbeza.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*

Sebagai contoh, di antara penyakit yang menimbulkan kontroversi tentang kedudukannya sebagai alasan fasakh perkahwinan di kalangan fuqaha' ialah penyakit *al-'adhyutah* (keluar najis ketika melakukan hubungan seksual), *bikhār al-faraj* (faraj berbau), *al-'afal* (keluar buih menitis yang boleh menghilangkan kelazatan ketika melakukan hubungan seksual).⁵² Satu lagi penyakit yang menjadi kontroversi di kalangan fuqaha' ialah *al-ifdā'*. Menurut Imam Mālik, ialah penyakit seperti terkoyak di antara saluran persetubuhan dengan saluran kencing.⁵³ Wanita yang mengidap penyakit seperti ini dinamakan *masyrūm* atau *syarīm*. Akibat daripada koyak itu menyebabkan saluran kencing dan saluran persetubuhan bercantum dan boleh menjejaskan hubungan seksual antara suami isteri.

Menurut Imam Ahmad, penyakit yang sama iaitu istilah *al-ifdā'* digunakan oleh Imam Mālik tetapi beliau menggunakannya dengan istilah *al-fataq*. Dengan ini dapat dikatakan bahawa kedua-dua Imam Mālik dan Ahmad hanya berbeza dari segi penggunaan istilah semata-mata, namun dari segi maksud atau jenis penyakitnya adalah sama.⁵⁴

Bagaimanapun, Imam Ahmad telah menambah beberapa jenis penyakit lagi yang mengharuskan fasakh. Antaranya ialah penyakit-penyakit yang diklasifikasikan sebagai *al-musytarak*, boleh berlaku kepada kedua-dua pihak lelaki dan wanita seperti penyakit *al-bāsūr* (buasir), *al-nāsūr* (kanser faraj) -dan

⁵² *Ibid.*, h. 518, al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, h. 185.

⁵³ *Ibid.*, h. 183.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 197.

penyakit *qar'ū al-rā's* iaitu sejenis penyakit botak kepala yang menyebabkan bau yang tidak disenangi.⁵⁵

Selain daripada itu, fuqaha' mazhab Hanbalī telah menambah lagi beberapa jenis penyakit yang tidak disentuh oleh mazhab-mazhab lain sebelumnya. Dengan ini menunjukkan mazhab Hanbalī agak *advance* di dalam hal-hal berkaitan dengan penyakit khususnya yang berkaitan dengan fasakh seperti yang dinyatakan oleh Abū al-Khatāb iaitu penyakit buasir (*al-bāsūr*) dan kanser faraj (*al-nāsūr*). Sebaliknya beliau tidak mengiktiraf penyakit seperti botak kepala (*al-qar'ū*), buta (*al-'amā*), pincang (*al-'arj*) dan kudung tangan dan kaki sebagai alasan untuk mengharuskan fasakh.⁵⁶

Beliau memberi alasan bahawa penyakit-penyakit tersebut tidak menghalang untuk melakukan hubungan seksual, malahan ianya tidak dibimbangi boleh berjangkit kepada pasangannya. Selain itu, penyakit lain yang hanya diiktiraf dalam mazhab Hanbalī sahaja yang mengharuskan fasakh ialah penyakit *al-sillāni* (*tuberculosis*) atau batuk kering dan penyakit *al-Zuhrī* (sifilis).⁵⁷

2.5 Penyakit-Penyakit Yang Telah Disepakati Oleh Fuqaha'

Setelah melihat pandangan para fuqaha' mengenai penyakit-penyakit tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa walaupun mereka tidak sependapat dalam menentukan jenis-jenis penyakit tetapi ada beberapa jenis penyakit sahaja yang telah mereka sepakati.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 198.

⁵⁶ al-Zuhayfī, *op.cit.*, h. 519.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 518.

Secara umumnya keempat-empat imam mazhab telah sependapat tentang lapan jenis penyakit yang dapat diterima sebagai sebab untuk mengharuskan fasakh perkahwinan. Selain daripada itu, kelapan-lapan jenis penyakit tersebut menurut fuqaha' mazhab mempunyai alasan yang konkrit untuk dijadikan sebagai faktor keharusan fasakh.

Walaupun didapati kelapan-lapan jenis penyakit tersebut telah diterima oleh fuqaha' mazhab yang empat, namun mereka telah meletakkan beberapa syarat atau kaedah-kaedah yang tertentu sebelum dilakukan fasakh. Dengan yang demikian dirasakan bahawa setiap penyakit perlu dilihat secara mendalam satu persatu untuk memastikan apakah alasan yang telah diterima pakai oleh para fuqaha' tersebut sebagai pra syarat untuk fasakh kerana penyakit.

2.5.1 Penyakit Yang Khusus Kepada Lelaki Sahaja

2.5.1.1 Penyakit *al-'Unnah* (Impoten)

Di dalam perbincangan fuqaha', perkataan *al-unnah* adalah nama bagi penyakit mati pucuk atau impoten. Manakala orang yang mengidap penyakit tersebut dikenali sebagai *al-'Innān*.⁵⁸ Para fuqaha' telah mendefinisikan *al-'unnah* sebagai penyakit yang menyebabkan pengidapnya tidak berkeupayaan untuk melakukan hubungan seksual dengan isterinya.⁵⁹

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ *Ibid*

Menurut fuqaha' Mālikī, *al-'unnah* ialah penyakit yang disebabkan zakar terlalu kecil menyebabkan pengidapnya tidak mampu melakukan hubungan seksual dengan isterinya.⁶⁰ Dengan ini menurut fuqaha' Mālikī ia dianggap sebagai penyakit yang membolehkan isteri meminta fasakh.

Menurut al-Ramlī dan fuqaha' mazhab Syāfi'īe yang lain bahawa *al-'unnah* ialah penyakit yang menyebabkan zakar tidak mampu berfungsi sebagai alat untuk melakukan hubungan seksual.⁶¹ Walaupun begitu al-Dusūqi di dalam kitabnya *al-Hāsyiyah* juga telah memberikan definisi yang sama sebagaimana yang telah diberikan oleh fuqaha' Syāfi'īe di mana *al-'unnah* menurut pandangan beliau ialah ketidakupayaan zakar untuk mengeras untuk membolehkan berlakunya hubungan seksual.⁶²

Berdasarkan istilah dalam Bahasa Melayu, penyakit lemah zakar ini dikenali sebagai mati pucuk.⁶³ Daripada beberapa definisi yang telah dibawakan di atas dapatlah disimpulkan bahawa yang dikatakan *al-'unnah* secara lebih tepat ialah sebagaimana yang ditakrifkan oleh fuqaha' Syāfi'īyyah iaitu ketidakupayaan zakar mengeras untuk membolehkan ianya berfungsi sebagai alat seksual hingga menyebabkan pengidapnya tidak mampu untuk melakukan hubungan seksual dengan isterinya. Dalam hal ini, *al-'unnah* termasuk dalam takrif sama ada zakar tersebut kecil atau besar sebagaimana yang ditakrifkan oleh fuqaha' Mālikīyyah walaupun ia tidak disebut dalam takrif Syāfi'īyyah kerana apa yang penting di sini

⁶⁰ al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4., h. 183

⁶¹ Ibn Syihāb al-Dīn al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Syarah al-Minhāj Fī al-Fiqh 'Alā Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī* r.a., j. 6., Mesir: Matba'ah al-Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 303

⁶² Muḥammad 'Arīf al-Dusūqi al-Mālikīyah (t.t), *Hāsyiyah al-Dusūqi 'Alā al-Syarah al-Kabīr*, j. 2., T.T.P: Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabīyah, h. 278.

⁶³ Hjh. Noresah et al (1998), *op.cit.*, h. 1062.

ialah ketidakupayaan zakar untuk berfungsi dengan sempurna ketika melakukan hubungan seksual.

2.5.1.2 Penyakit *al-Jabb* (Terpotong Zakar)

Perkataan *al-jabb* menurut bahasa ialah *al-qat'u* yang bererti potong. Manakala *al-majbūb* pula menunjukkan makna orang yang terpotong zakarnya dan minta di sambung zakarnya atau orang yang minta supaya dikembirikannya.⁶⁴ Dari sudut istilah pula *al-jabb* yang diguna pakai oleh para fuqaha', didapati mempunyai pengertian yang luas dan berbagai-bagai. Antaranya, menurut Syarbīnī al-Khaṭīb, *al-jabb* bermaksud terpotong zakarnya melebihi kadar *al-khasyafah* (kepala zakar).⁶⁵

Menurut al-Qalyūbī di dalam kitabnya *Hāsyiyah al-Qalyūbī*, yang merupakan salah seorang fuqaha' mazhab Syāfi'īe juga telah memberikan definisi yang sama dengan apa yang telah ditakrifkan oleh Syarbīnī tadi.⁶⁶ Hakikat ini menunjukkan fuqaha' Syāfi'īyah mempunyai satu definisi yang sama.

Sementara itu fuqaha' Mālikiyyah seperti al-Dusūqī mendefinisikan *al-jabb* sebagai terpotong zakar serta kedua buah zakar (*al-unthuyān*). Termasuk juga di bawah definisi *al-jabb* ini orang yang hanya terpotong kedua buah zakarnya sahaja.⁶⁷ Walaupun begitu, pendapat yang rajih di antara beberapa pendapat

⁶⁴ Wazārah al-Awqāf Wa al-Syū'ūn al-Islāmiyah (1989), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyah*, j. 15., al-Kuwait: Tabā'ah Zāt al-Salāsīl, h. 99.

⁶⁵ al-Syarbīnī, (t.t), j. 3., *op.cit.*, h. 202.

⁶⁶ Syihāb al-Dīn al-Qalyūbī et al. (t.t), *Hāsyiyah al-'Alamah al-Qalyūbī*, j. 4., Mesir: Dār Iḥyā', h. 261.

⁶⁷ al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, j. 2., h. 278.

menurut fuqaha' mazhab Mālikī ialah terpotong *khasyafah* (kepala zakar) sahaja.⁶⁸

Fuqaha' Hanbalī pula mendefinisikan *al-jabb* sebagai terpotong anggota kelamin sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya, namun kadar yang tinggal tetap tidak memungkinkan berlakunya hubungan seksual.⁶⁹

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa para fuqaha' mazhab telah sependapat mengenai definisi *al-jabb* di mana penyakit ia bermaksud terpotong zakar samada keseluruhannya atau hanya sebahagian sahaja dan kadar yang tinggal itu tidak memungkinkan untuk melakukan hubungan seksual. Mereka juga bersependapat sekurang-kurangnya kadar yang terpotong itu ialah hilang paras *khasyafah*.

2.5.1.3 Penyakit *al-Khiṣā'* (Kembiri atau Kasi)

Para fuqaha' mazhab telah tidak bercanggah pendapat dalam mendefinisikan perkataan *al-khiṣā'*. Kebanyakan mereka mempunyai takrif yang hampir sama. Mazhab Mālikī telah mentakrifkan *al-khiṣā'* dengan makna terpotong dua buah zakar tanpa menjejaskan zakar sekalipun zakar itu boleh berfungsi.⁷⁰

Al-Syirāzī di dalam al-Muhadhdhab telah mendefinisikan makna *al-khiṣā'* sebagai terpotong dua biji telur (*bidatāin*) tetapi tetap mengekalkan zakarnya

⁶⁸ al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 183

⁶⁹ *Ibid.*, h. 196

⁷⁰ *Ibid.*, h. 183

manakala *al-maslīl* menurut beliau lagi ialah orang yang tercabut dua telur zakarnya apabila diminta supaya mencabutnya kerana sesuatu manfaat.⁷¹

Selain al-Syirāzī, al-Qalyūbī juga telah mentakrifkan *al-khiṣā'* sebagai terpotong dua biji zakar (*al-unthuyān*). Fuqaha' Hanbalī mengatakan *al-khiṣā'* ialah terpotong dua buah zakar (*al-unthuyāni*) seperti mana kembiri yang dilakukan ke atas haiwan dengan mengekalkan kerandut (sarung) buah zakar.⁷² Walaupun dipotong kedua buah zakar tetapi ianya langsung tidak menjejaskan keadaan zakar sama sekali dan keadaan ini menurut fuqaha' Hanbalī memungkinkan untuk melakukan hubungan seksual.⁷³

Tujuan melakukan kembiri ialah samada untuk mencegah daripada melakukan hubungan seksual atau untuk melemahkan nafsu syahwat semata-mata. Bagaimanapun kedua-dua perbuatan tersebut dikira sebagai penyakit dan isteri berhak untuk menuntut fasakh.⁷⁴

Namun demikian, fuqaha' Mālikiyyah seperti al-Dusūqi di dalam kitabnya *Hāsyiyah al-Dusūqi* mempunyai pendapat yang agak berbeza sedikit dengan fuqaha' yang lain-lain. Menurut beliau, *al-khiṣā'* ialah terpotong zakar dan bukannya terpotong kedua-dua buah zakar.⁷⁵ Menurut golongan tersebut, penyakit terpotong dua buah zakar (*al-unthuyān*) termasuk di bawah kategori *al-jab* dan bukannya di bawah kategori *al-khiṣā'*.

⁷¹ al-Syirāzī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 49, al-Qalyūbī (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 262

⁷² al-Jazīrī, *op.cit.*, h. 196.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ al-Dusūqi (t.t), j. 2, *op.cit.*, h. 278.

Walaupun terdapat beberapa justifikasi fuqaha' mazhab mengenai definisi *al-khisā'*, terdapat satu rumusan yang lebih tepat yang telah dibuat di kalangan mereka di mana yang dimaksudkan *al-khisā'* ialah memotong kedua biji buah zakar atau *unthuyani* kerana sesuatu tujuan tertentu tetapi tidak menjejaskan keadaan zakar itu sendiri.

2.5.1.4 Pandangan Fuqaha' Mengenai Keharusan Fasakh Kerana Penyakit *al-'Unnah, al-Jabb Dan al-Khisā'*

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, didapati bahawa jumhur fuqaha' telah bersetuju mengenai tiga penyakit di atas iaitu *al-'unnah, al-jabb* dan *al-khisā'* apabila berlaku kepada suami menyebabkan isteri berhak untuk menuntut fasakh daripada kadi (hakim).

Dalam kes di mana jika seorang isteri mendapati suaminya seorang *majbūh* (terpotong zakar), hendaklah dia mengajukan kes tersebut kepada pihak kadi (hakim). Seterusnya kadi (hakim) akan menjatuhkan hukuman dengan memisahkan di antara kedua suami dan isteri secara bersegera.⁷⁶ Perpisahan ini adalah secara fasakh dan langkah pihak kadi (hakim) mengambil tindakan dengan segera memfasakhkan mereka berdua adalah kerana suami yang mengalami zakar yang terpotong tidak mungkin pulih seperti sedia kala untuk membolehkan suami kembali menyertubuhi isterinya.⁷⁷

⁷⁶ al-Sibā'ī (1997), *op.cit.*, h. 233.

⁷⁷ *Ibid.*

Sebaliknya jika isteri mendakwa bahawa suaminya mimpot atau impoten (*al-'innīn*) atau suaminya telah mengalami *al-khasī'* (kembiri) atau ia penyakit yang dialami itu sejak asal kelahiran atau pun ia adalah penyakit yang mendarang, isteri tetap berhak untuk menuntut fasakh dengan mengemukakan perkara tersebut kepada pihak kadi (hakim).⁷⁸ Sebaik sahaja perkara ini dibicarakan kepada pihak kadi (hakim), beliau akan memberi tempoh selama setahun berhitung dari tarikh dakwaan. Tempoh setahun yang diberikan ialah untuk membolehkan suami menjalani rawatan untuk pulih seperti keadaan asal. Sekiranya kadi (hakim) mendapati suami telah pulih dan mampu untuk melakukan hubungan seksual dengan isterinya kembali, mereka akan dibenarkan untuk kembali semula menjalani kehidupan sebagai suami isteri. Sebaliknya jika keadaan penyakit suami gagal dipulihkan, pihak kadi (hakim) akan mengambil keputusan dengan memfasakhkan mereka berdua.⁷⁹

Keputusan untuk memberikan tempoh masa yang tertentu atau satu jangka masa khusus seperti selama setahun atau sebagainya kepada suami yang mengalami impoten untuk menjalani rawatan adalah bertepatan dengan amalan para sahabat seperti yang pernah diamalkan oleh Imām Sa'īd.⁸⁰ Imām Sa'īd berpendapat suami yang mengalami penyakit tersebut hendaklah diberi tempoh setahun sebelum diputuskan untuk fasakh. Kenyataan beliau berdasarkan kepada riwayat daripada al-Bayhaqī. Selain daripada itu, pendapat ini juga telah disokong oleh sebuah riwayat Mālik daripada Ibn Syihāb daripada Sa'īd bin al-Musayyab katanya.⁸¹

⁷⁸ Badrān Abū al-'Ainīn Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 436, al-Sibā'īe, *op.cit.*, h. 233

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ Dr. Hāsyim Jamīl 'Abd Allāh (1985), j. 3, *op.cit.*, h. 234

⁸¹ *Ibid.*

من تزوج امرأة فلم يستطع ان يمسه فانه يضرب له اجل سنة. فإن مسها
والا فرق بينهما.

Jangka masa untuk rawatan yang diberikan kepada suami yang impoten atau lemah zakar ini telah diterima oleh majoriti fuqaha' sahabat dan seterusnya diterima pakai oleh imam-imam mazhab yang empat.⁸² Pendapat ini telah disokong oleh hadith Rasulullah s. 'a. w riwayat daripada 'Umar, 'Alī, Ibn Mas'ūd, al-Mughīrah bin Syu'bah, 'Atā', al-Nakha'īe, al-Hasan, Rabī'ah, Syuraih, 'Amr bin Dīnār, Hamād, al-Awza'īe dan daripada al-Hasan bin Hay serta al-Laith.⁸³

Manakala dalam riwayat yang lain seperti daripada al-Hārith bin 'Abd Allāh bin Abī Rabī'ah mengatakan tempoh masa yang sepatutnya diberikan kepada mereka yang mengidap penyakit impoten ialah selama sepuluh bulan. Amalan ini juga pernah dipraktikkan oleh Saidina 'Umar al-Khaṭṭab ketika beliau memutuskan kes orang yang mengidap penyakit tersebut. Fenomena ini ada diriwayatkan daripada Saidina 'Alī dan 'Abd Allāh, al-Mughīrah bin Syu 'bah dan lain-lainnya.⁸⁴

Menurut teori yang pernah diaplikasi oleh Saidina 'Umar al-Khaṭṭab, bahawa kelemahan zakar seorang lelaki untuk berfungsi dengan sempurna sebagai alat seksual berkemungkinan disebabkan oleh dua faktor utama, sama ada memang disebabkan oleh penyakit itu sendiri atau kemungkinan juga ianya berpunca daripada halangan-halangan tertentu yang dipengaruhi oleh situasi persekitaran. Antaranya ialah yang disebabkan oleh keadaan yang teramat panas (*harārah*),

⁸² Dr. Hāsyim Jamīl (1985), *op.cit.*, h. 235.

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ al-Syirāzī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 49.

teramat sejuk (*burūdah*), situasi yang teramat lembab (*rutūbah*) dan teramat kering (*yabūṣah*). Apabila telah berlalu empat peringkat musim tersebut tetapi keadaan suami masih tidak menunjukkan apa-apa perubahan, hendaklah dirujuk perkara tersebut kepada kadi (hakim).⁸⁵

Di samping memberi tempoh masa yang cukup kepada suami, para fuqaha' juga telah melihat kepada aspek sama ada mungkin atau tidak suami yang mengalami impoten melakukan hubungan seksual dengan isterinya sebelum mereka mengambil keputusan untuk memfasakhkan di antara keduanya, suami dan isteri. Faktor ini juga dianggap penting kerana sebahagian pesakit masih boleh melakukan hubungan seksual manakala sebahagian yang lain tidak boleh.⁸⁶ Mengenai penyakit impoten, majoriti fuqaha' sependapat mengatakan pengidapnya tidak mampu untuk melakukan hubungan seksual disebabkan kelemahan zakar untuk berfungsi dengan sempurna.

Sebaliknya, majoriti fuqaha' juga telah sependapat bahawa selain impoten, penyakit seperti *al-jabb* dan *al-khiṣā'* tidak harus fasakh kerana pengidapnya masih mampu untuk melakukan hubungan seksual.⁸⁷ Menurut al-Qalyūbī dalam Hāsyiyahnya bahawa *al-khiṣā'* hanya melibatkan dua buah zakar sahaja tanpa menjejaskan zakar itu sendiri. Oleh itu, tidak harus fasakh kerana penyakit *al-khiṣā'* masih membolehkan suami melakukan hubungan seksual dengan isterinya.

Begitu juga dengan penyakit *al-jabb*, di mana fasakh hanya diharuskan sekiranya kesemua anggota zakar itu terpotong hingga tidak memungkinkan

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Ibn Hajar al-Haithamī (t.t), *op.cit.*, h. 346.

⁸⁷ al-Qalyūbī, *op.cit.*, h. 262.

berlaku hubungan seksual.⁸⁸ Justeru itu, sekiranya anggota zakar yang terpotong itu sedikit sahaja dan kadar yang tinggal itu masih memungkinkan pengidapnya mampu untuk melakukan hubungan seksual, tidak harus isteri menuntut fasakh.⁸⁹ Di samping itu, al-Ramlī telah menambah dengan mengatakan fasakh tidak diharuskan sekiranya kadar zakar yang masih tinggal setelah terpotong itu dalam keadaan sederhana saiznya (apabila diukur dari sudut kecil atau besarnya saiz zakar tersebut). Begitu juga dalam kes di mana saiz zakar yang tinggal masih besar tetapi yang tidak ada hanyalah *al-khasyafah* (kepala zakar) sahaja, tetap juga tidak boleh fasakh kerana yang menjadi persoalannya bukan dari aspek saiz zakar, kecil atau besarnya tetapi yang pentingnya ialah adanya zakar itu sendiri.⁹⁰ Bagaimanapun fasakh diharuskan jika keadaan zakar yang terpotong itu menimbulkan kebencian atau perasaan tidak suka di pihak isteri.

Begitu juga dengan mazhab Mālikī di mana fuqaha' Mālikīyah telah mengharuskan fasakh jika penyakit *al-jabb* atau *al-khiṣā'* yang dialami oleh suami itu tidak mendatangkan manfaat dalam hubungan suami isteri. Sekiranya penyakit tersebut mendatangkan manfaat kepada mereka berdua, di dalam hal ini tidak harus menuntut fasakh lagi.⁹¹

2.5.2 Penyakit Yang Khusus Kepada Wanita Sahaja

Sebenarnya terdapat beberapa jenis penyakit yang telah dikenal pasti oleh fuqaha' mazhab yang empat khususnya Imām Mālik dan Imām Aḥmad berhubung

⁸⁸ Ibn Hajar al-Haithamī, *op.cit.*, h. 346.

⁸⁹ al-Qalyūbī, *op.cit.*, h. 261.

⁹⁰ al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 304.

⁹¹ al-Dusūqī (1 t), *op.cit.*, j. 2., h. 278.

kaum wanita yang mana dengan penyakit tersebut mengharuskan fasakh perkahwinan. Bagaimanapun, sesetengah penyakit tersebut tidak diterima oleh dua imam yang lain seperti Imām Syāfi‘īe dan Imām Abū Ḥanīfah terutamanya penyakit *al-‘adhyutah*, *al-‘afal* dan lain-lainnya.

Oleh kerana itu di antara banyak penyakit hanya dua jenis penyakit sahaja yang diiktiraf oleh majoriti fuqaha’ terutamanya imam mazhab yang empat yang mana penyakit tersebut berlaku kepada kaum wanita sahaja. Penyakit yang dimaksudkan ialah *al-qarnā’* dan *al-ratqā’*.⁹²

2.5.2.1 Penyakit *al-Qarn (al-Qarnā’)*

Perkataan *al-qarn* bermaksud *al-‘aflah al-saghīr*. Apabila perkataan *al-qarn* dihubungkan dengan wanita, ia memberi erti satu benda yang menutupi saluran faraj yang menjadi tempat masuk zakar samada ia berbentuk *ghuddah al-ghalīzah* (tulang yang keras) atau daging yang tersumbat oleh tulang. Kedua-dua ini dinamakan sebagai *al-qarn*.⁹³

Para fuqaha’ juga telah memberikan berbagai-bagai definisi untuk menerangkan maksud penyakit *al-qarn (qarnā’)*. Selain itu mereka juga telah menggunakan berbagai istilah yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama. Fuqaha’ mazhab Ḥanbalī iaitu al-Qādi misalnya melihat penyakit *al-qarn*

⁹² al-Zuhayfī (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 517-519.

⁹³ Ibn Manzūr (1993), *Lisān al-‘Arab*, j. 13, Beirut: Dār Sadir, h. 335.

sama dengan *al-ratq* dan *al-'afal* iaitu daging yang tumbuh pada saluran faraj wanita.⁹⁴

Sementara mazhab Māliki pula mendefinisikan *al-qarn* ialah suatu lebihan yang tumbuh pada faraj wanita seperti tanduk kambing.⁹⁵ Al-Dusūqi dalam Hāsyiyahnya telah menambah di dalam pentakrifan *al-qarn* dengan mengatakan sesuatu yang tumbuh itu kadang kala berbentuk daging dan kadang kala berbentuk tulang (*'izām*).⁹⁶ Menurut beliau ketumbuhan daging pada kebiasaannya boleh dirawat, tetapi ketumbuhan tulang (*'izām*) adalah sukar untuk dirawat.

Implikasi daripada berlakunya penyakit ketumbuhan ini pada faraj wanita boleh menghalang proses hubungan seksual suami isteri. Menurut kebiasaannya bahawa *al-qarn* ialah ketumbuhan tulang pada faraj wanita yang boleh menghalang hubungan seksual kerana ia menutup tempat masuk zakar.⁹⁷

Fuqaha' mazhab Syāfi'īe mendefinisikan *al-qarn* sebagai tertutup tempat persetubuhan dengan suatu daging.⁹⁸ Menurut al-Syarbīnī, pendapat yang *asah* bahawa *al-qarn* ialah ketumbuhan berbentuk tulang (*'izām*).⁹⁹ Sementara itu al-Syirāzī juga melihat definisi *al-qarn* sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh para fuqaha' Hanbalī iaitu *al-qarn* adalah sinonim kepada perkataan *al-'afal*. Beliau telah mentakrifkan *al-qarn* sebagai daging kecil yang tumbuh dalam faraj wanita.¹⁰⁰

⁹⁴ Ibn Qudāmah (1999), *op.cit* j. 11., h. 57.

⁹⁵ al-Jazīrī (1986), *op.cit.* j. 4., h. 183.

⁹⁶ al-Dusūqi (t.t), *op.cit.* j. 2., h. 287.

⁹⁷ al-Jazīrī, *op.cit.*, h. 183.

⁹⁸ *Ibid*.

⁹⁹ al-Syarbīnī (t.t), *op.cit.* j. 3. h. 202.

¹⁰⁰ al-Syirāzī (t.t), *op.cit.* j. 2., h. 48.

Imam Syāfi‘e sendiri telah menginterpretasikan istilah *al-qarn* dengan agak jelas di mana beliau telah mentakrifkannya sebagai lebihan tulang yang tumbuh di dalam faraj wanita yang mana bentuknya seakan-akan tanduk.¹⁰¹

;

Berdasarkan kepada justifikasi yang telah dibuat oleh para fuqaha’ menunjukkan bahawa mereka telah bersependapat dalam mentakrifkan *al-qarn* sebagai sesuatu yang tumbuh dalam faraj wanita berupa tulang yang mana tulang tersebut mempunyai bentuk seperti tanduk kambing. Di samping itu apa yang menjadi persoalan penting di kalangan mereka ialah ketumbuhan tersebut menutup saluran tempat masuk zakar hingga boleh menghalang daripada berlakunya hubungan seksual antara suami isteri. Di atas alasan inilah, para fuqaha’ telah sependapat bahawa penyakit *al-qarn* adalah di antara salah satu alasan yang mengharuskan fasakh.

2.5.2.2 Penyakit *al-Ratq (al-Ratqā’)*

رَتَقٌ

Perkataan *al-ratq* adalah lawan kepada perkataan *al-fataq* (terbuka). Dengan ini *al-ratq* bererti tertutup atau tersumbat. Apabila dihubungkan perkataan *al-ratq* dengan *al-mar’ah* membawa maksud wanita yang mengalami penyakit tersumbat farajnya serta menghalang zakar daripada memasukinya kerana suatu yang sangat keras (*li syiddah indimāmah*).¹⁰²

Satu lagi penyakit yang telah disepakati oleh para fuqaha’ berlaku kepada kaum wanita ialah *al-ratq*. Ia sebenarnya adalah sejenis penyakit yang sama

¹⁰¹ al-Umm (1993), *op.cit.*, j. 5., h. 123

¹⁰² Ibn Manzūr (1992), *op.cit.*, j. 10., h. 114

dengan *al-qarn*, tetapi yang membezakan di antara *al-qarn* dengan *al-ratq* ialah bentuk ketumbuhan itu sendiri yang tumbuh di dalam faraj wanita berkenaan.

Al-ratq menurut fuqaha' Mālikī ialah suatu yang menutupi saluran masuk zakar ke dalam faraj menyebabkan tidak mungkin berlaku hubungan seksual antara suami isteri.¹⁰³ Begitu juga dengan takrif yang diberikan oleh al-Dusūqī di dalam Hāsiyahnya telah menambah bahawa sekiranya saluran persetubuhan itu ditutupi oleh daging berkemungkinan ia boleh dirawat.¹⁰⁴ Daripada definisi-definisi di atas didapati bahawa yang dimaksudkan dengan *al-ratq* ialah sejenis daging yang menutupi saluran persetubuhan .

Bagaimanapun al-Qalyūbī telah menguatkan pandangan di atas dengan mengatakan *al-ratq* ialah daging yang menutupi saluran persetubuhan dan menyebabkan keluar air kencing dari lubang yang sempit yang terdapat di dalamnya.¹⁰⁵ Al-Ramlī pula mentakrifkan *al-ratq* sebagai tertutup saluran persetubuhan dengan daging.¹⁰⁶ Pentakrifan al-Ramlī ini sama dengan apa yang telah ditakrifkan oleh al-Syarbīnī.¹⁰⁷ Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa fuqaha' mazhab Syāfi'ite kesemuanya telah sependapat dalam mentakrifkan *al-ratq* iaitu daging yang menutupi saluran faraj sehingga boleh menghalang berlakunya hubungan seksual.

Mazhab Hanbalī bagaimanapun tidak menjelaskan secara terang di dalam takrifnya sama ada yang menutupi saluran faraj itu adalah daging atau bukan daging walaupun mereka juga telah memberikan takrif yang sama iaitu *al-ratq*

¹⁰³ al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4., h. 183.

¹⁰⁴ al-Dusūqī, *op.cit.*, h. 278.

¹⁰⁵ al-Qalyūbī, *op.cit.*, h. 261.

¹⁰⁶ al-Ramlī, *op.cit.*, h. 303.

¹⁰⁷ al-Syarbīnī, *op.cit.*, h. 202.

ialah tertutupnya saluran faraj. Hal ini dapat dilihat dalam takrif yang diberikan oleh Ibn Qudāmah. Menurutnya *al-ratq* ditakrifkan sebagai tertutup faraj oleh sesuatu yang terlekat atau tertempel menyebabkan zakar terhalang daripada memasuki saluran faraj apabila hendak melakukan hubungan seksual.¹⁰⁸ *Al-ratq* ini samalah seperti mana penyakit *al-qarn* dan *al-'afal* menurut Ibn Qudāmah dan diterima pakai oleh mazhab Hanbalī secara umumnya.

Selain daripada itu, di dalam *Syarḥ Muntahā al-Irādāt*, fiqh mazhab Hanbalī juga ada membincangkan berkenaan dengan penyakit *al-ratq*. Di dalam kitab tersebut di nyatakan *al-ratq* adalah sejenis penyakit di mana lubang faraj tertutup tanpa ada laluan zakar masuk. Ia adalah penyakit semula jadi yang dialami semenjak kelahiran.¹⁰⁹

Berdasarkan pendapat-pendapat fuqaha' di atas, dapat dirumuskan bahawa *al-ratq* adalah satu penyakit yang disebabkan oleh daging yang menutupi saluran faraj dan menghalang dari kemasukan zakar serta boleh menghalang daripada berlakunya hubungan seksual. Walaupun terdapat sesetengah fuqaha' yang telah mendefinisikannya sebagai penyakit semulajadi sejak lahir tetapi ia telah tidak disepakati oleh majoriti fuqaha' mazhab.

Namun demikian, Ibn Hajar al-Haythamī telah memperluaskan konsep *al-ratq*. Menurut beliau, termasuk juga di bawah definisi *al-ratq* ialah lubang faraj

¹⁰⁸ Ibn Qudāmah (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 57.

¹⁰⁹ Dr 'Abd al-Karīm Zaydān (t.t), *op.cit.*, j. 9, h. 27.

yang sempit (*daqīq*) disebabkan oleh lebih daging yang tumbuh di dalam faraj hingga menyukarkan zakar menembusnya.¹¹⁰

2.5.2.3 Pandangan Fuqaha' Mengenai Keharusan Fasakh Kerana Penyakit *al-Qarn* Dan *al-Ratq*

Walaupun pada perbincangan yang sebelum ini, satu kesimpulan telah dapat dicapai mengenai persetujuan majoriti fuqaha' mazhab berhubung dengan hukum harus fasakh apabila isteri mengidap salah satu daripada dua penyakit tersebut samada *al-qarn* mahupun *al-ratq*, namun mereka tetap juga mempunyai perbezaan pandangan dalam memberikan alasan yang konkrit sehingga kedua-dua penyakit tersebut boleh dijadikan sebab untuk fasakh perkahwinan.

Fuqaha' mazhab Māliki berpendapat, sekiranya penyakit *al-qarn* dan *al-ratq* yang dihidapi oleh isteri itu merupakan penyakit yang mendatang dan bukannya penyakit semula jadi sejak lahir, para suami tidak diharuskan menuntut fasakh.¹¹¹ Ini adalah kerana ia berlaku selepas akad perkahwinan dilakukan. Bagaimanapun sekiranya suami tidak reda atau tidak sanggup menerima penyakit yang dihidapi oleh isteri, dia boleh mengakhiri ikatan perkahwinannya dengan cara talaq.¹¹²

Sekiranya penyakit tersebut di alami oleh isteri sebelum daripada akad perkahwinan dilakukan dan suami juga tidak mengetahui bahawa isterinya mengidap penyakit tersebut, hakim hendaklah memberi tempoh masa yang cukup

¹¹⁰ Ibn Hajar al-Haythamī (t.t), *op.cit* ., j. 7 , h. 346.

¹¹¹ al-Jazīrī (1986), *op.cit* ., j. 4 , h. 185.

¹¹² *Ibid*

kepada isteri untuk membolehkan mereka menjalani rawatan.¹¹³ Di samping itu suami boleh memaksa isteri untuk menghilangkan penyakit tersebut, tetapi jika penyakit berkenaan telah dialami sejak dari kelahiran tidak perlu suami memaksa isteri supaya menjalani rawatan. Fuqaha' mazhab Māliki memberi alasan dengan mengatakan sekiranya penyakit itu telah ada sejak kelahiran, boleh memudaratkan diri isteri berdasarkan kepada pendapat pakar perubatan.¹¹⁴

Fuqaha' mazhab Māliki secara umumnya melihat kekuatan hujah atau alasan untuk fasakh apabila isteri mengidap penyakit yang melibatkan anggota seksual (*dā'i al-faraj*) bergantung kepada beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah dilihat dari aspek masa atau bila penyakit tersebut mula dihidapi oleh isteri. Sekiranya penyakit yang dihidapi berlaku sebelum akad dan suami tidak mengetahuinya, thabit *khiyār* untuk suami fasakh.¹¹⁵ Namun, sekiranya penyakit itu dihidapi sesudah akad, tidak harus bagi suami melakukan fasakh.¹¹⁶

Aspek kedua ialah dengan melihat proses rawatan yang dilalui oleh isteri yang mengidap penyakit tersebut setelah melalui tempoh masa yang diberikan oleh hakim. Bagaimanapun rawatan untuk pulih daripada penyakit tersebut adalah berdasarkan kepada ijtihad yang diputuskan oleh pakar perubatan.¹¹⁷ Apabila tempoh masa rawatan yang diberikan telah berlalu, namun penyakit tersebut tidak juga sembuh, suami diberi pilihan samada hendak terus kekal bersama isterinya atau pun memilih untuk berpisah.

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ *Ibid.* al-Dusūqi, *op.cit.*, j. 2, h. 284.

¹¹⁵ al-Dusūqi, *op.cit.*, j. 2, h. 278.

¹¹⁶ al-Jazīrī, *op.cit.*, h. 185.

¹¹⁷ al-Dusūqi, *op.cit.*, h. 283-284.

Dengan ini dapat difahami bahawa sebelum suami memilih untuk fasakh dengan isterinya yang mengalami penyakit berkaitan dengan alat seksual (*dā'i al-faraj*) terlebih dahulu dia perlu memberikan masa yang cukup supaya isteri boleh menjalani rawatan perubatan bagi menyembuhkan penyakitnya terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, sekiranya pakar perubatan telah mengesahkan penyakit yang dialaminya benar-benar tidak boleh diubati (berdasarkan ijtihadnya), pada ketika itu barulah suami boleh membuat keputusan.

Oleh kerana itu adalah tidak harus sama sekali menurut mazhab Mālikī suami mengambil keputusan terburu-buru untuk memfasakhkan perkahwinan sebelum mengambil langkah-langkah yang sepatutnya, berdasarkan fakta-fakta yang telah diperjelaskan di dalam mazhab Mālikī.¹¹⁸

Aspek yang ketiga ialah dengan melihat sejauh manakah suami dan isteri tersebut mampu untuk melakukan hubungan seksual atau hanya sekadar bersedap-sedap (*taladhdhudh*) atau *istimta'* di antara mereka.¹¹⁹ Menurut mazhab Mālikī lagi sekiranya suami masih lagi *beristimta'* dengan isterinya walaupun setelah mengetahui penyakit yang dialaminya boleh menjadi bukti yang menunjukkan keredaan suami terhadap penyakit isterinya. Dengan keredaan yang telah ditunjukkan oleh suami menyebabkan suami tidak boleh lagi *khiyār* untuk fasakh perkahwinan.¹²⁰

Pada hakikatnya, fuqaha' mazhab Mālikī telah mengharuskan suami untuk *khiyār* fasakh sekiranya isteri mengidap dua jenis penyakit tersebut. Namun

¹¹⁸ *Ibid*

¹¹⁹ al-Dusūqi (t.t). *op.cit* ., j. 2 ., h. 277.

¹²⁰ *Ibid*

mereka telah menetapkan tiga syarat seperti yang telah dibincangkan sebelum ini yang mana syarat tersebut mengikat para suami agar tidak melakukan fasakh sewenang-wenangnya. Berdasarkan kepada syarat-syarat tersebut menunjukkan suami harus fasakh sekiranya penyakit isteri benar-benar tidak boleh diubati dan telah disahkan sendiri oleh pakar perubatan.

Fuqaha' mazhab Syāfi'ite juga berpendapat sedemikian iaitu harus bagi suami melakukan fasakh sekiranya terdapat penyakit-penyakit yang dihidapi oleh isteri. Lebih-lebih lagi penyakit yang melibatkan hubungan seksual antara suami isteri terhalang seperti *al-qarn* dan *al-ratq*.¹²¹ Al-Syirāzī, fuqaha' mazhab Syāfi'ite di dalam *al-Muhadhdhab* menyatakan thabit *khiyār* untuk fasakh perkahwinan apabila seseorang suami mendapati isterinya mengidap penyakit ketumbuhan daging atau tulang di dalam faraj. Faktor utama yang mengharuskan fasakh menurut al-Syirāzī ialah kerana adanya alasan menghalang hubungan seksual.¹²² Beliau melihat bahawa halangan daripada berlakunya hubungan seksual antara suami isteri merupakan satu hal yang serius sehingga beliau berpendapat apa sahaja penyakit yang boleh menghalang *istimta'* menyebabkan harus fasakh, tidak kira samada penyakit itu berlaku pada anggota seksual lelaki atau wanita.¹²³

Keharusan fasakh disebabkan penyakit *al-qarn* dan *al-ratq* ini diperkuatkan dengan hadith Rasulullah s. 'a.w riwayat Imām Mālik daripada Yahyā bin Sa'īd daripada Ibn Musayyab, kata Abū Sya'thā' :

¹²¹ Badrān Abū al-'Ainīn Badrān (t.t), *op.cit.*, h. 442.

¹²² al-Syirāzī (t.t), *op.cit.*, j. 2., h. 48.

¹²³ *Ibid*.

فقد اخبرنا سفيان بن عيينه عن عمرو بن دينار عن ابي الشعثا قال: اربع لا
يجز في بيع ولا نكاح الا ان يسمى فان سمى جاز الجنون والجزام والبرص
والقرن .

Ertinya:

Empat perkara yang tidak diharuskan dalam jualbeli mahu pun dalam pernikahan kecuali ia mestilah disebut. Apabila disebut barulah ia diharuskan iaitu gila, kusta, sopak dan qarn.

Berbeza dengan mazhab Mālikī dan mazhab-mazhab yang lain, mazhab Syāfi'īe tidak pula mensyaratkan satu jangka masa atau tempoh tertentu kepada suami atau isteri yang memilih untuk fasakh kerana penyakit. Malah mazhab Syāfi'īe telah mensyaratkan fasakh kerana penyakit mesti dilakukan dengan segera (*'alā fawr*).¹²⁴ Bagaimanapun syarat bersegera ini dikecualikan kepada penyakit *al-'unnah* sahaja di mana suami diberi tempoh masa selama setahun untuk menjalani rawatan.¹²⁵

Ini bermakna walaupun isterinya mengidap penyakit *al-qarn* dan *al-ratq*, tetapi mereka tidak perlu melalui tempoh masa tertentu untuk menjalani rawatan sebelum suami dibenarkan fasakh. Persoalan penting yang diberi penekanan oleh mazhab Syāfi'īe ialah keupayaan suami isteri melakukan hubungan seksual di mana penentuan sama ada harus fasakh atau tidak bergantung juga kepada sama ada penyakit *al-qarn* dan *al-ratq* itu menghalang atau tidak menghalang hubungan seksual. Jika ternyata ia menghalang maka diharuskan fasakh dan sebaliknya jika tidak menghalang maka penyakit tersebut tidak dijadikan alasan fasakh.¹²⁶

¹²⁴ Ibn Qudāmah (1999), *op.cit.* , j. 11., h. 62

¹²⁵ al-Jazīrī (1986), *op.cit.* , j. 4 , h. 195

¹²⁶ al-'Umm (1993), *op.cit.* , j. 5, h. 123

Selain daripada itu, fuqaha' mazhab Syāfi'ī memberi alasan bahawa tujuan utama dibenarkan fasakh ialah untuk menghindari penyakit-penyakit yang dialami, dan oleh kerana itu sewajarnya dilakukan dengan segera serta tidak perlu bertanggung-tanggung.¹²⁷ Namun Ibn Qudāmah sendiri berpendapat, tujuan asal fasakh ialah untuk menolak kemudaran. Berdasarkan kepada hakikat inilah menurut beliau ia harus dilakukan secara bertempoh atau bertanggung ('*alā al-tarākhī*').

Berdasarkan kepada beberapa pandangan di atas didapati majoriti fuqaha' mazhab telah memberikan tempoh masa tertentu kepada wanita yang mengidap penyakit tersebut bagi membolehkan mereka menjalani rawatan yang diperlukan khususnya seperti pendapat yang dikemukakan oleh mazhab Mālikī, sebelum suami dibenarkan untuk fasakh.

Selain itu, pendapat mazhab Mālikī juga telah menetapkan syarat tentang kedudukan penyakit tersebut sama ada penyakit tersebut sudah sampai kepada tahap kronik atau pun tidak mestilah disahkan oleh pakar perubatan terlebih dahulu, memadaikan hanya dengan bersandarkan kepada ijtihad mereka. Jika pakar perubatan mengesahkan penyakit tersebut sudah kronik dan tidak boleh dirawat lagi, barulah suami boleh *khiyār* untuk fasakh.

Berbeza dengan pendapat Imām Syāfi'ī sendiri yang mengatakan fasakh itu harus dilakukan dengan segera setelah dibawa ke pengetahuan hakim dan hakim akan memutuskan tanpa bertanggung lagi kerana beliau melihat dari aspek tujuan asal (*al-maqāṣid*) perkahwinan ialah mendapat hak untuk melakukan hubungan

¹²⁷ Ibn Qudāmah, *op.cit.* . h. 62.

seksual.¹²⁸ Oleh yang demikian, dengan adanya gangguan-gangguan seperti penyakit *al-qarn* dan *al-ratq* boleh menghalangnya daripada tercapainya maksud hubungan seksual tersebut.¹²⁹

;

Berdasarkan kepada dua pendapat yang berbeza di antara pendapat golongan majoriti fuqaha' yang menetapkan agar isteri diberi tempoh masa tertentu untuk menjalani rawatan terhadap penyakit yang dihidapi dengan pendapat Imam Syāfi'ie sendiri yang berpegang bahawa fasakh kerana penyakit secara umumnya harus dilakukan dengan segera, dapat disimpulkan bahawa kedua-duanya adalah betul dan boleh diterima untuk dijadikan sandaran bagi kes-kes tersebut. Ini adalah kerana kedua-dua pihak mempunyai hujah serta alasan mereka tersendiri demi melihat kepada objektif (*al-maqāṣid*) daripada perkahwinan itu sendiri dengan kepentingan (*al-maṣlahah*) serta keperluan hidup manusia.

Walaupun begitu, pendapat yang dirasakan terbaik dan lebih praktikal ialah pendapat golongan majoriti fuqaha' iaitu dengan memberikan tempoh masa yang cukup dan sesuai kepada isteri. Dengan tempoh masa tersebut membolehkan isteri menjalani rawatan untuk menyembuhkan penyakitnya. Setelah itu, barulah dapat dipastikan oleh pakar perubatan samada boleh berlaku hubungan seksual atau tidak boleh. Sekiranya ternyata tidak boleh melakukan hubungan seksual lagi, bolehlah suami *khiyār* sama ada mengekalkan perkahwinan atau memilih untuk fasakh. Dengan cara ini didapati lebih adil bagi kedua-dua pihak suami dan isteri.

¹²⁸ al-Syarbīnī, j. 3, *op.cit.*, h. 204.

¹²⁹ *Ibid.*

Walaupun pihak hakim memberikan tempoh masa kepada isteri untuk menjalani rawatan menyembuhkan penyakitnya, tidak bermakna suami meredai dengan penyakit isteri tersebut hingga menyebabkan suami kehilangan hak untuk fasakh perkahwinan.¹³⁰ Dalam hal ini, pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Qudāmah di mana tempoh waktu untuk menjalani rawatan boleh dianggap sebagai usaha untuk menolak *darar* kerana tujuan asal keharusan fasakh kerana penyakit adalah untuk menolak kerosakan serta kemudaratan.¹³¹

2.5.3 Penyakit-Penyakit Yang Boleh Berlaku Kepada Lelaki Dan Wanita

Para fuqaha' telah membahagikan bahagian ketiga daripada penyakit-penyakit yang diharuskan fasakh ialah penyakit yang boleh berlaku kepada kedua-dua pihak samada lelaki atau wanita (*al-musytarak*).¹³² Majoriti imam mazhab yang empat telah bersependapat mengenai tiga jenis penyakit yang boleh terkena kepada lelaki dan wanita, iaitu gila (*al-junūn*), kusta (*al-judhām*) dan sopak (*al-baras*).¹³³

Ketiga-tiga penyakit tersebut akan dilihat secara lebih mendalam dan terperinci dari aspek sejauhmanakah seriusnya penyakit tersebut dalam hubungan suami isteri sehingga para fuqaha' telah menjadikannya sebagai alasan untuk fasakh. Di samping itu, perbincangan juga akan tertumpu pada perbezaan pandangan fuqaha' dalam menetapkan kedudukan penyakit tersebut serta kekuatan hujah yang dikemukakan.

¹³⁰ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, j. 11, h. 64

¹³¹ *Ibid.*

¹³² al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 181

¹³³ al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, j. 7, h. 519.

2.5.3.1 Penyakit *al-Junūn* (Gila Atau Gangguan Mental)

Perkataan *junūn* di dalam kamus *Lisān al-‘Arab* bererti yang pelik atau ganjil atau melakukan sesuatu perkara yang pelik atau sesat. Manakala *al-majnūn* pula ialah *al-musāb* iaitu orang yang ditimpa musibah atau kehinaan.¹³⁴

Imām Syāfi‘īe telah membahagikan penyakit gila kepada dua kategori. Pertama ialah penyakit gila yang ganas (*khanāq*) hingga mereka yang mengalami penyakit gangguan mental tersebut melakukan keganasan sampai ke tahap boleh membunuh atau membahayakan nyawa orang lain.¹³⁵ Kategori yang kedua ialah masalah gangguan mental yang disebabkan oleh sesuatu penyakit yang menyebabkan akal tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Dalam keadaan seperti ini Imām Syāfi‘īe tidak mengharuskan fasakh kecuali setelah penyakit yang dialami itu telah sembuh tetapi akal masih lagi tidak dapat berfungsi dengan sempurna, barulah dibolehkan *khiyār* untuk fasakh.¹³⁶

Sebenarnya dalam melihat definisi penyakit *al-junūn* ini, didapati tidak banyak dibincangkan oleh para fuqaha’ secara jelas. Kebanyakan mereka tidak memberikan definisi *al-junūn* secara terperinci. Sebaliknya mereka hanya memberikan jenis-jenis penyakit yang berkaitan dengannya sahaja. Ini menyebabkan agak sukar untuk menilai kedudukan penyakit tersebut dari perspektif para fuqaha’ itu sendiri. Bagaimanapun para fuqaha’ mazhab telah

¹³⁴ Ibn Manzūr (1992), *op.cit.*, j. 13, h. 97.

¹³⁵ al-‘Umm (1993) *op.cit.*, j. 5, h. 123.

¹³⁶ *Ibid.*

mengategorikan jenis gila yang boleh dijadikan alasan fasakh dan jenis gila yang tidak boleh dijadikan alasan fasakh.

Al-Syarbīnī misalnya, telah mendefinisikan *al-junūn* sebagai satu penyakit yang menyebabkan hilangnya daya ingatan walaupun masih boleh berlaku pergerakan anggota tubuh badan.¹³⁷ Beliau tidak membezakan di antara jenis gila yang berlaku secara berterusan dan jenis gila yang terputus-putus yang berlaku dalam masa-masa yang tertentu sebagai alasan untuk mengharuskan fasakh. Sebaliknya, al-Mutawallī telah melihat penyakit gila yang berlaku secara putus-putus (berlaku pada masa-masa tertentu) tidak diharuskan fasakh.¹³⁸ Begitu juga dengan penyakit gila yang disebabkan oleh sesuatu penyakit.

Sementara itu, Imam Syāfi‘ī telah memasukkan penyakit *al-isrā’* (gila babi) ke dalam kategori *al-junūn* yang mana pengkelasan penyakit gila seperti itu telah diterima oleh fuqaha’ yang lain.¹³⁹ Ibn Qudāmah di dalam al-Mughnī tidak memberikan definisi penyakit *al-junūn*, sebaliknya hanya menjelaskan keadaan orang yang mengalami penyakit tersebut. Keharusan fasakh kerana penyakit gila ini menurut Ibn Qudāmah adalah disebabkan sifat pesakit itu yang memberontak secara tiba-tiba dan dikhuatiri akan mendatangkan kemudaratan.¹⁴⁰

Di dalam *Tuhfat al-Muhtāj*, Ibn Hajar al-Haythamī hanya menjelaskan perbezaan-perbezaan penyakit gila tanpa memberikan definisi penyakit itu sendiri. Namun beliau juga melihat penyakit gila itu sebagaimana yang telah ditakrifkan

¹³⁷ al-Syarbīnī (t.t), , *op. cit.* , j.3 , h. 202.

¹³⁸ *Ibid*.

¹³⁹ *Ibid*.

¹⁴⁰ Ibn Qudāmah (1999), , *op.cit* j. 11... , h. 57.

oleh Imām Syāfi‘īe .¹⁴¹ Beliau menegaskan penyakit gila terdiri daripada dua jenis. Jenis yang pertama ialah gila yang disebabkan oleh penyakit atau terkena perbuatan sihir. Penyakit seperti ini biasanya akan menyebabkan pesakit itu pengsan atau tidak sedar (*al-aghmā*).¹⁴² Gila yang berpunca daripada penyakit seperti ini tidak diharuskan *khiyār* untuk fasakh, sama seperti penyakit-penyakit biasa yang lainnya. Bagaimanapun, bagi al-Mutawallī, gila seperti di atas yang dikenali sebagai *al-aghmā*, jika keadaan gila itu masih berterusan sedangkan penyakit yang menyebabkan gila itu telah lama sembuh, pada ketika itu diharuskan *khiyār* untuk fasakh.¹⁴³

Satu lagi fenomena yang dikaitkan dengan penyakit *al-junūn* menurut kebiasaannya ialah keadaan mengamuk (*al-batsyu*). Menurut al-Qalyūbī di dalam Hāsiyahnya, penyakit gila seperti *al-batsyu* ini hendaklah dilihat pada kekerapan berlakunya perbuatan mengamuk itu. Jika pada kebiasaannya sangat jarang berlaku seperti sekali dalam setahun, tidak harus *khiyār* untuk fasakh.¹⁴⁴ Al-Ramlī telah menambah di dalam kitabnya Nihāyah al-Muhtāj sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh al-Zarkasyī bahawa harus fasakh kerana penyakit pengsan yang disebabkan oleh gila babi (*al-isrā’*) kerana gila babi tidak dianggap sebagai gila kerana penyakit.¹⁴⁵

¹⁴¹ Ibn Hajar al-Haithamī (t.t), *op.cit.*, j. 7., h. 345.

¹⁴² *Ibid.*, j. 5., h. 123.

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ al-Qalyūbī, *op.cit.*, j. 4., h. 261.

¹⁴⁵ al-Ramlī (1938), *op.cit.*, j. 6., h. 303.

2.5.3.2 Penyakit *al-Judhām* (Kusta)

Para fuqaha' telah menetapkan satu lagi penyakit yang boleh berlaku kepada lelaki dan wanita ialah penyakit *al-judhām* (kusta). Menurut mereka, sekiranya salah seorang daripada suami atau isteri tersebut mengidap penyakit kusta, mereka berhak untuk menuntut fasakh.

Perkataan *al-judhām* dalam kamus Lisān al-'Arab membawa maksud *al-qat'u* yang bererti potong atau memotong.¹⁴⁶ Dalam kamus tersebut juga menjelaskan perkataan *al-judham* bermaksud satu penyakit yang memakan anggota tubuh manusia lantas menggugurkan anggota tersebut.¹⁴⁷ Ibn 'Ābidīn telah mendefinisikan *al-judhām* sebagaimana yang diambilnya daripada al-Qahastānī dengan maksud sejenis penyakit bernanah yang mengoyakkan atau memecahkan kulit serta memutuskan daging.¹⁴⁸

Sementara itu, al-Syarbīnī telah mendefinisikan *al-judhām* sebagai satu penyakit yang menyebabkan anggota badan menjadi merah dan kemudian terputus, seterusnya anggota tersebut bertukar menjadi warna hitam sebelum tanggal. Gambaran penyakit seperti yang dinyatakan itu boleh berlaku pada semua anggota tubuh badan manusia, tetapi pada kebiasaannya ia berlaku atau menyerang di bahagian muka.¹⁴⁹ Al-Syarbīnī lebih cenderung mengatakan bahawa penyakit kusta lebih kerap berlaku di bahagian muka pesakit berbanding dengan bahagian-bahagian tubuh yang lain. Pendapat al-Syarbīnī sebenarnya

¹⁴⁶ Ibn Manzūr (1992), *op.cit.* , j. 12. , h. 86-88.

¹⁴⁷ Mawsū'ah al-Fiqhiyah (1989), *op.cit.* , j. 15 , h. 129

¹⁴⁸ *Ibid.*

¹⁴⁹ al-Syarbīnī (t t), *op.cit.* , j. 3. , h. 202

adalah pendapat mazhab Syāfi'īe yang telah disepakati oleh fuqaha' mereka seperti al-Qalyūbī, al-Ramī dan lain-lainnya.¹⁵⁰

Begitu juga dengan pendapat yang diutarakan oleh Ibn Qudāmah dari mazhab Hanbalī yang mana mereka mengatakan penyakit kusta mengharuskan fasakh, bahkan menurutnya lagi, penyakit kusta boleh menghalang daripada tercapai maksud perkahwinan iaitu menghalang daripada berlakunya hubungan seksual (*istimta'*) antara suami isteri.¹⁵¹ Di samping itu salah satu daripada implikasi penyakit kusta juga ialah ia boleh berjangkit kepada orang lain dan boleh menyebabkan jangkitan kepada keturunan.¹⁵² Oleh kerana itu, menurut fuqaha' penyakit tersebut boleh menghilangkan perasaan kasih sayang antara suami-isteri serta mengelakkan diri masing-masing daripada melaksanakan tanggungjawab mereka.

Berdasarkan kepada perspektif para fuqaha', jelas menunjukkan bahawa penyakit kusta seperti yang mereka perelaskan adalah satu penyakit berjangkit, sama ada boleh menjangkiti pada orang lain atau pada keturunannya sendiri. Penyakit kusta juga boleh menimbulkan implikasi serius kerana boleh menyebabkan anggota badan terputus-putus dan bertukar warna menjadi kehitaman.¹⁵³

Rentetan daripada implikasi yang ditunjukkan oleh penyakit kusta tersebut boleh menimbulkan impak negatif terutama kepada emosi kedua-dua pasangan

¹⁵⁰ al-Qalyūbī, *op. cit.*, h. 261. al-Ramī, *op. cit.*, h. 303.

¹⁵¹ Ibn Qudāmah, *op. cit.*, j. 11, h. 57.

¹⁵² *Ibid.*

¹⁵³ al-Mawsū'ah al-Fiqhiyah, *op. cit.*, j. 15, h. 129.

suami-isteri dan menyebabkan mereka tidak dapat menjalinkan hubungan seksual dan tidak dapat melaksanakan kewajipan berumahtangga.

2.5.3.3 Penyakit *al-Baras* (sopak)

Merujuk kepada Ibn Manzūr, dalam kamusnya *Lisān al-‘Arab*, beliau telah mendefinisikan *al-baras* (sopak) adalah satu penyakit yang boleh dilihat dengan jelas kerana ia berupa warna putih yang berbelang-belang pada tubuh badan.¹⁵⁴ Ibn ‘Ābidin dalam kitab *al-Mawsū‘ah* pula telah menambah di dalam definisi yang diberikan oleh Ibn Manzūr dengan mengatakan *al-baras* adalah sejenis penyakit kulit yang menyebabkan permukaan kulit berwarna putih hingga nampak rupa berbelang-belang dan ia adalah penyakit kulit seperti kusta.¹⁵⁵

Mazhab Mālikī melihat bahawa *al-baras* adalah penyakit yang boleh dilihat dengan jelas dan ianya sama ada berwarna putih atau berwarna hitam.¹⁵⁶ Ibn Qudāmah pula melihat *al-baras* adalah sama seperti penyakit kusta serta ia juga mempunyai ciri-ciri yang sama. Dengan ini, menurutnya sopak adalah penyakit yang boleh berjangkit kepada orang lain dan pada keturunannya.¹⁵⁷

Selain itu, menurut beliau juga, penyakit sopak boleh menghalang daripada berlaku hubungan seksual antara suami isteri akibat gangguan emosi terhadap

¹⁵⁴ Ibn Manzūr (1992), *op.cit.*, j. 7., h. 5.

¹⁵⁵ *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyah, op.cit.*, j. 15., h. 129.

¹⁵⁶ al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 4., h. 129.

¹⁵⁷ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, j. 11., h. 57.

penyakit tersebut yang tidak disukainya dan boleh menghalang pasangan berkenaan daripada menunaikan kewajipan suami isteri.¹⁵⁸

Definisi yang diberikan oleh fuqaha' mazhab Syafi'ite juga hampir-hampir sama dan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan fuqaha' mazhab yang lain. Al-Syarbīnī misalnya telah mentakrifkan penyakit sopak ialah satu tanda yang berwarna sangat putih dan menjadikan kulit berbelang-belang.¹⁵⁹ Pentakrifan seperti ini telah dipakai oleh al-Ramlī dan juga al-Qalyūbī.¹⁶⁰ Ibn Hajar al-Haythamī pula telah menegaskan di dalam takrifnya seperti mana yang dibuat oleh mazhab Māliki iaitu penyakit sopak boleh memberi implikasi jangkitan kepada orang lain dan juga jangkitan kepada keturunannya.¹⁶¹

Daripada beberapa pentakrifan yang telah dibuat oleh fuqaha' mazhab di atas, dapat dirumuskan, penyakit sopak adalah sejenis penyakit yang menyebabkan tanda berwarna sangat putih pada kulit dan kelihatan seperti berbelang-belang. Selain itu, penyakit sopak juga sama seperti penyakit kusta menurut al-Bayhaqī kerana ia boleh menjangkiti janin dalam kandungan dan kepada orang lain.

2.5.3.4 Pandangan Fuqaha' Terhadap Penyakit *al-Junūn* (Gila), *al-Judhām* (Kusta) Dan *al-Baras* (Sopak)

Majoriti fuqaha' telah bersependapat bahawa tiga penyakit yang boleh berlaku kepada kedua-dua pihak lelaki dan wanita iaitu penyakit *al-junūn*, penyakit *al-*

¹⁵⁸ *Ibid.*

¹⁵⁹ al-Syarbīnī, *op.cit.*, j. 3, h. 202.

¹⁶⁰ al-Ramlī, *op.cit.*, j. 6, h. 303. al-Qalyūbī, *op.cit.*, j. 4, h. 347.

¹⁶¹ al-Haythamī, *op.cit.*, j. 7, h. 347.

judhām dan penyakit *al-baras* membolehkan *khiyār* untuk fasakh sekiranya salah satu pihak mengidap penyakit tersebut.¹⁶²

Keharusan fasakh disebabkan penyakit-penyakit tersebut adalah atas dasar bahawa ia akan merebak atau menjangkiti kepada orang lain. Dengan cara ini lama-kelamaan, penyakit tersebut boleh memberi implikasi yang negatif serta mendatangkan mudarat apabila ia menjadi semakin serius dan kronik.¹⁶³ Dengan kata lain, walaupun tiga penyakit tersebut tidak menghalang dari segi hubungan seksual, namun dengan kemudaratan yang ditimbulkan tidak memungkinkan pasangan suami isteri dapat menjalinkan hubungan kasih sayang dan tidak dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing.¹⁶⁴

Jelas daripada huraian di atas bahawa fuqaha' telah menggunakan alasan mudarat (*ḍarar*) untuk mengharuskan *khiyār* ke atas penyakit gila, kusta dan sopak.¹⁶⁵ Pendapat ini diperkuatkan lagi dengan beberapa hujah daripada beberapa riwayat. Antara lain seperti yang diriwayatkan daripada Mālik daripada Sa'īd bin al-Musayyab katanya :¹⁶⁶

لَمَّا رَجَلَ تَزَوَّجَ امْرَأَةً وَبِهِ جُنُونٌ أَوْ ضَرَّرَ فَإِنْسَهَا بِالْخِيَارِ : فَإِنْ شَاءَتْ قَرَّتْ
وَإِنْ شَاءَتْ فَارْقَتْ .

¹⁶² Dr. Hāsyim Jamīl (1985), *op.cit.*, j. 3, h. 232.

¹⁶³ al-Sibā'ī (1997), *op.cit.*, h. 231.

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ *Ibid.*

¹⁶⁶ *Ibid.*, h. 233.

Ertinya:

Mana-mana lelaki yang mengahwini seorang perempuan sedangkan dia gila atau boleh memudaratkan , perempuan itu berhak untuk khiyār sama ada meneruskan perkahwinan atau fasakh .

;

Manakala dalam riwayat yang diperolehi daripada Sarawī daripada al-Imam al-Sa‘īd seperti yang disebutkan oleh Ibn Wahāb daripada Sa‘īd bin al-Musayyab katanya:¹⁶⁷

لا ترد النساء الا من العيوب الاربعة : الجنون والجذام والبرص والدأ في الفرج .

Maksudnya:

Tidak boleh menolak (fasakh) seorang wanita itu melainkan kerana empat penyakit iaitu gila, kusta, sopak dan penyakit faraj.

Imām Syāfi‘īe juga telah menjelaskan *khiyār* disebabkan penyakit kusta, sopak dan gila hanya boleh dilakukan setelah ternyata benar-benar wujudnya penyakit tersebut secara jelas.¹⁶⁸ Seterusnya menurut beliau lagi, sekiranya tanda-tanda penyakit tersebut tidak begitu kronik atau tidak mempunyai cukup bukti seperti gugur bulu kening atau sebagainya, tidak boleh *khiyār*.¹⁶⁹

Bagaimanapun, mengenai larangan mendekati orang yang mengidap penyakit kusta ini terdapat dalam sebuah hadith Rasulullah s.‘a.w yang menyebutkan tentangnya iaitu riwayat daripada ‘Affān, katanya dikhabarkan

¹⁶⁷ Dr. Hāsyim Jamīl (1985) , *op.cit.* , h. 233.

¹⁶⁸ al-‘Umm (1993), *op.cit.* , j. 5. , h. 123.

¹⁶⁹ *Ibid.*

kepada kami Sālim bin Hayyān dikhabarkan kepadaku Sa‘īd bin Minā katanya:

Aku mendengar Abū Hurairah berkata: Sabda Rasulullah s.‘a.w.¹⁷⁰

لا عدوى ولا طيرة ولا هامة ولا صفر وفر من المجدوم كما تفر من الاسد .

؛

Maksudnya:

Tidak ada jangkitan, tidak ada sial, tidak ada kemudaratan pada burung hantu, tidak ada nahas dalam bulan Safar dan larilah engkau dari orang yang berpenyakit kusta seperti engkau lari daripada singa.

Namun begitu, ada diantara fuqaha’ yang mengatakan bahawa walaupun terdapat penyakit khususnya penyakit kusta, merupakan penyakit yang berjangkit kepada orang lain atau kepada anak-anak dan keturunan melalui kandungan ibu tetapi tidaklah hadith Rasulullah s.‘a.w. tersebut menyuruh manusia agar lari daripada penyakit itu, seperti mana yang dinyatakan oleh al-Bayhaqī dan lain-lain fuqaha’.¹⁷¹

ﷺ

Larangan Rasulullah s.‘a.w daripada mendekati orang yang mengidap penyakit kusta dan menyuruh manusia melarikan diri daripadanya seperti lari daripada singa, menurut pendapat fuqaha’ adalah sebagai simbolik atau metafora untuk memperbetulkan pegangan masyarakat Arab jāhiliyah yang percaya bahawa penyakit-penyakit tertentu boleh menjangkit kepada manusia lain dan mendatangkan sial atau sebagainya.¹⁷²

¹⁷⁰ al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl (1994), *Sahīh Bukhārī*, j. 7. , T.T.P : Dār al-Fikr, h. 22.

¹⁷¹ al-Haythamī, *op.cit.* , h. 347.

¹⁷² Ibn Manzūr (1992), *op.cit.* j. 12. , h 88. al-Haythamī, *op.cit.* , h. 347.

Berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.‘a.w itu boleh dijadikan hujah bahawa penyakit kusta menurut para fuqaha’ bukanlah satu penyakit serius yang mesti dijaui dan dijadikan alasan kuat untuk khiyār fasakh. Pendapat ini telah dipegang oleh majoriti fuqaha’ Syāfi‘īte seperti al-Jūwainī,¹⁷³ al-Ramli,¹⁷⁴ dan lain-lain yang mensyaratkan untuk khiyār fasakh kerana penyakit kusta mestilah terlebih dahulu disahkan oleh pakar perubatan atau keputusan hakim setelah mendapati bahawa penyakit kusta tersebut benar-benar kronik sehingga boleh terputus anggota badan atau bertukar warna kepada warna kehitaman.¹⁷⁵

Al-Dusūqi dari mazhab Mālikī telah menambah bahawa penyakit kusta dan sopak dibolehkan khiyār hanya bagi pihak isteri sahaja apabila penyakit tersebut dihadapi oleh suami. Sebaliknya suami tidak boleh khiyār fasakh kerana mereka boleh mengelakkan darurat dengan cara talaq.¹⁷⁶ Tambahan pula menurut beliau lagi, berdasarkan pendapat Abū al-Qāsim al-Jazīrī, penyakit kusta hanya boleh difasakh apabila telah disahkan oleh pakar perubatan tidak kira sama ada penyakit yang dialami itu banyak atau sedikit. Manakala penyakit sopak pula hanya akan dibenarkan fasakh dengan syarat ia telah menimbulkan perasaan jijik atau benci.¹⁷⁷

Selain daripada itu, sebelum dibenarkan untuk fasakh, fuqaha’ mazhab Mālikī telah memberi tempoh rawatan selama setahun untuk membolehkan pesakit mengubati penyakitnya sehingga sembuh.¹⁷⁸ Secara umumnya terdapat tiga kriteria yang digariskan oleh fuqaha’ dalam menetapkan keharusan fasakh kerana

¹⁷³ al-Syarbīnī, *op.cit.* , h. 202.

¹⁷⁴ al-Ramli, *op.cit.* h. 303.

¹⁷⁵ al-Syarbīnī, *op.cit.* , h. 202.

¹⁷⁶ al-Dusūqi, *op. cit.* , h. 278.

¹⁷⁷ *Ibid.* , h. 279.

¹⁷⁸ Ishāq bin Mūsā al-Mālikī (1922), *Mukhtasar Khalīl Fī Fiqh al-Imām Mālik*, Mesir: Matba‘ah Wa Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 107. al-Dusūqi, *op.cit.* , h. 279.

penyakit kusta dan sopak. Daripada apa yang telah dibawakan berdasarkan pendapat para fuqaha' mazhab yang muktabar dapat disimpulkan bahawa penyakit kusta dan sopak hanya boleh difasakh perkahwinan setelah ternyata penyakit itu wujud dan disahkan oleh pakar perubatan.

Selain itu, sesetengah fuqaha' telah mensyaratkan pasangan yang mengidap penyakit kusta dan sopak agar menjalani tempoh rawatan selama setahun terlebih dahulu untuk menyembuhkan penyakitnya sebelum diputuskan oleh hakim.

Satu lagi syarat yang ditetapkan oleh fuqaha' ialah penyakit kusta dan sopak itu mestilah sudah sampai ke tahap yang kritikal dan tidak boleh diubati lagi. Apabila sudah sampai ke tahap ini barulah dibenarkan fasakh, bagi penyakit kusta umpamanya telah menyebabkan terpotong atau tertanggal anggota badan yang terlibat. Manakala bagi penyakit sopak pula, fasakh dibenarkan setelah sopak itu benar-benar menimbulkan rasa jijik atau timbul perasaan tidak disenangi oleh pasangannya khususnya dalam konteks apabila hendak melakukan hubungan seksual.

Hujah ini telah disokong oleh hadith Rasulullah s. 'a.w yang menunjukkan penyakit sopak boleh mengganggu *istimtā'* atau merencatkan keinginan nafsu syahwat.¹⁷⁹ Hadith tersebut thabit berdasarkan kepada riwayat daripada Zayd bin Ka'ab bin Ajrah katanya:¹⁸⁰

تزوج رسول الله (ص) امرأة من بني غفار فرأى بكشحها بيضا فقال لها
النبي (ص) البسي ثيابك والحقي باهلك .

¹⁷⁹ al-Syirāzī (t.t), *op.cit* . j. 2. , , h. 48.

¹⁸⁰ *Ibid*.

Maksudnya:

Rasulullah s. 'a.w telah berkahwin dengan seorang wanita dari Bani Ghifar, maka baginda s. 'a.w terlihat warna putih (sopak) dipinggang wanita tersebut lantas baginda s. 'a.w bersabda: pakailah pakaianmu dan kembalilah kepada keluarga kamu.

i

Berdasarkan mesej yang hendak disampaikan menerusi hadith tersebut, fuqaha' khususnya mazhab Syāfi'īe telah menjadikan penyakit sopak (*al-baras*) sebagai salah satu daripada alasan untuk mengharuskan fasakh kerana ia boleh menghalang berlakunya *istimtā'*.¹⁸¹ Ini menunjukkan bahawa, Rasulullah s. 'a.w ternampak warna putih pada pinggang wanita tersebut ketika hendak melakukan hubungan seksual.

Mengenai penyakit gila (*al-junūn*) pula, fuqaha' telah menetapkan bahawa penyakit gila yang mengharuskan fasakh ialah samada gila yang mendatang atau gila yang berterusan.¹⁸² Bagi Imam Syāfi'īe, beliau hanya mengharuskan fasakh pada penyakit gila yang kekal dan mendatangkan bahaya serta kemudaratan.¹⁸³ Al-Qalyūbī juga menambah bahawa penyakit gila yang diharuskan fasakh ialah gila yang tidak boleh sembuh berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh pakar perubatan.¹⁸⁴

Sementara itu, menurut al-Zarkasyī untuk fasakh kerana penyakit gila tidak perlu menunggu keputusan daripada hakim, tetapi memadai untuk menthabitkannya apabila pesakit gila itu melakukan keganasan kepada

¹⁸¹ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 57. al-Syirāzi *op. cit.*

¹⁸² al-Syarbīnī, *op.cit.*, j. 3., h. 202.

¹⁸³ al-Umm, *op.cit.*, j. 5., h. 123.

¹⁸⁴ al-Qalyūbī, *op.cit.*, h. 261.

pasangannya.¹⁸⁵ Al-Qalyūbī telah mengklasifikasikan gila sebagaimana yang dibuat oleh Imam Syāfi‘ī sendiri iaitu terbahagi kepada dua iaitu *al-khabil* dan *al-sar‘u* (gila babi).¹⁸⁶ Menurut beliau, penyakit gila yang sering berlaku biasanya seperti pengsan atau mengamuk. Justru itu, keharusan fasakh akan bergantung kepada sejauh mana implikasi kemudaratannya yang ditimbulkan ekoran daripada penyakit tersebut. Sekiranya gila itu tidak menimbulkan implikasi negatif atau kemudaratannya bahkan, penyakit tersebut jarang menyerang pengidapnya, tidak perlu *khiyār* (fasakh).¹⁸⁷

Pendapat mazhab Syāfi‘ī telah disokong oleh mazhab Hanbalī yang menekankan bahawa alasan utama diharuskan fasakh ialah kerana sifat penyakit itu sendiri yang sering mengganas atau melakukan sesuatu yang mengejutkan tanpa diduga dan dibimbangi boleh mendatangkan kemudaratannya.¹⁸⁸

Bagaimanapun, dalam kes penyakit gila ini, para fuqaha’ tidak sependapat dalam menetapkan sama ada perlu atau tidak untuk memberikan tempoh masa rawatan kepada suami-isteri sebelum fasakh. Fuqaha’ Mālikīyah berpendapat jika penyakit gila terjadi selepas akad perkahwinan berlangsung, hendaklah diberikan tempoh setahun untuk menjalani rawatan pemulihan.¹⁸⁹ Satu pendapat yang juga dari mazhab Mālikī menyatakan sekiranya isteri mengidap penyakit gila, suami tidak boleh *khiyār* (fasakh) sama ada sebelum berlaku hubungan seksual atau selepasnya.¹⁹⁰

¹⁸⁵ al-Ramlī, *op.cit.*, h. 303

¹⁸⁶ al-Qalyūbī, *op.cit.*, h. 261

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 57.

¹⁸⁹ al-Dusūqī, *op.cit.*, h. 279

¹⁹⁰ al-Jazīrī, *op.cit.*, j.4, h. 183.

Perdapat golongan tersebut merujuk kepada aspek sejauhmanakah penyakit gila itu memudaratkan orang lain dan sejauhmanakah hubungan seksual antara suami isteri yang mengidap penyakit gila itu boleh berlaku. Oleh itu mazhab Mālikī berpendapat walaupun isteri mengidap penyakit gila, suami tidak harus fasakh kerana wanita secara nature mempunyai sifat lemah dan tidak mampu melakukan keganasan.¹⁹¹ Di atas alasan inilah menurut mazhab Mālikī berkemungkinan masih boleh berlaku hubungan seksual (*istimtā'*) di antara suami dan isteri.¹⁹²

Menerusi penjelasan di atas membuktikan mazhab Mālikī tidak menggalakkan suami memfasakhkan isterinya yang mengidap penyakit gila kecuali penyakit gila tersebut benar-benar serius serta menimbulkan kemudaratkan. Selama mana masih berkemungkinan berlakunya hubungan seksual antara suami isteri, selama itulah tidak harus berlaku fasakh.

Satu lagi bukti yang menyokong kenyataan di atas dapat dilihat di mana mazhab Mālikī telah menetapkan tempoh setahun untuk rawatan pemulihan penyakit gila yang dihidapi oleh suami atau isteri seperti yang dinyatakan oleh Ibn al-Qāsim daripada Mālik. Menurutnya, Imām Mālik telah memberi tempoh setahun dan sekiranya penyakit tersebut masih tidak sembuh setelah berlalu tempoh masa, barulah difasakhkan antara mereka berdua.¹⁹³ Pendapat ini berdasarkan kepada satu riwayat daripada Ibn Wahāb daripada Musallamah yang dikhabarkan kepadanya daripada 'Amr bin Syu'aib daripada bapanya dari

¹⁹¹ *Ibid.*, h. 182.

¹⁹² Ibn Rusyd (t.t), *al-Mudawwanah al-Kubrā li al-Imām Mālik bin Anas* dalam Muqaddimāt, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 187.

¹⁹³ Ibn Rusyd (t.t), *op.cit.*, h. 187.

datuknya, katanya: bahawa ‘Amru bin al-‘Āṣ telah menulis surat kepada ‘Umar bin al-Khattab mengenai seorang lelaki yang mengalami penyakit gila dan diikat dengan rantai kerana bimbang terhadap keselamatan isterinya. Lantas Saidina ‘Umar al-Khattab memberi tempoh setahun untuk menjalani rawatan. Sesudah berlalu tempoh setahun, jika penyakitnya sembuh, dikekalkan hubungan suami isteri. Sebaliknya jika tidak sembuh juga, barulah difasakhkan antara mereka berdua.¹⁹⁴

Menurut Ibn Wahāb, Yūnus dan Rabī‘ah, persoalan penyakit gila ini hendaklah dilihat sejauhmana implikasi yang ditimbulkan olehnya terhadap pasangan suami-isteri sebelum sesuatu tindakan diambil. Tindakan itu samada dalam bentuk memfasakhkan antara mereka berdua atau dengan menghukum pesakit gila itu sendiri seperti dipenjara atau sebagainya.¹⁹⁵

2.6 Alasan Fuqaha’ Mengharuskan Fasakh Kerana Penyakit

Para fuqaha’ telah berusaha mencari alasan untuk mengukuhkan lagi hujah-hujah mereka mengapa sesetengah penyakit tertentu boleh dijadikan alasan fasakh. Sememangnya alasan yang diberikan oleh para fuqaha’ ini telah melihat dari berbagai perspektif serta memenuhi objektif hukum syarak itu sendiri yang lebih mementingkan kepada *maṣlaḥah al-‘ammah* (kepentingan umum) masyarakat itu sendiri.

¹⁹⁴ *Ibid*.

¹⁹⁵ *Ibid*.

Umumnya, para fuqaha' mazhab telah menetapkan alasan-alasan perceraian kerana penyakit dengan melihat aspek implikasi penyakit tersebut kepada pasangan suami isteri dan sejauhmanakah penyakit tersebut boleh menghalang daripada tercapainya objektif perkahwinan itu sendiri iaitu hubungan seksual.

Berdasarkan kepada penyelidikan dan pengkajian secara menyeluruh, didapati bahawa terdapat tiga alasan utama yang telah ditetapkan oleh fuqaha' untuk membolehkan fasakh kerana penyakit.¹⁹⁶ Alasan tersebut ialah:

1. Ditakuti kerana penyakit itu sendiri yang boleh menjangkiti kepada pasangannya. Penyakit-penyakit yang tergolong di bawah kategori ini ialah penyakit kusta (*al-judhām*).
2. Kerana penyakit itu sendiri boleh menimbulkan rasa benci atau tidak suka yang keterlaluan dan ekoran daripada itu akan timbul pula berbagai-bagai kemudaratannya yang lebih berat seperti tidak menunaikan kewajipan sebagai suami-isteri, tidak berlaku hubungan seksual (*istimtā'*) dan sebagainya. Penyakit-penyakit tersebut ialah penyakit *al-jumūn* dan *al-baras*.
3. Penyakit yang dikategorikan sebagai penyakit berkaitan alat seksual dan ianya boleh menghalang daripada berlakunya hubungan seksual antara suami-isteri. Penyakit tersebut termasuklah *al-'unnah* (impoten atau mati pucuk), *al-jabb* (terpotong zakar) dan *al-khiṣā'* (kembiri). Ketiga-tiga jenis penyakit ini berlaku kepada lelaki sahaja. Manakala penyakit

¹⁹⁶ al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, j. 7, h 515.

yang berlaku kepada wanita pula ialah *al qarn* (tertutup faraj dengan tulang) dan *al-ratq* (tertutup faraj dengan daging).

Bagi golongan fuqaha' kontemporari, mereka hanya membahagikan kepada dua faktor sahaja secara lebih mudah dan ringkas.¹⁹⁷ Dua faktor tersebut ialah :

1. Penyakit *al-jins* atau yang melibatkan anggota seksual serta mempengaruhi dalam hubungan seksual. Penyakit tersebut ialah impoten dan *al-khisa'* yang berlaku kepada lelaki, sementara *al-qarn* dan *al-ratq* berlaku kepada wanita.
2. Kategori kedua ialah penyakit yang tidak menghalang hubungan seksual tetapi penyakit tersebut boleh merebak atau menjangkiti kepada pihak lain atau memberi kesan mudarat kepada pihak lain sekiranya suami isteri itu hidup bersama. Penyakit tersebut ialah kusta, sopak, gila, penyakit batuk kering (*al-sil*) dan sifilis (*al-zuhrī*).

Dengan ini jelas menunjukkan majoriti fuqaha' telah bersetuju untuk meletakkan tiga alasan utama mengapa sesetengah penyakit itu telah diterima untuk mengharuskan fasakh perkahwinan di mana mencakupi alasan yang berkaitan dengan maksud di sebalik perkahwinan itu sendiri iaitu ia boleh menghalang hubungan seksual. Di samping itu alasan lain yang diberikan ialah ia berkaitan dengan fitrah kejadian manusia yang benci atau jijik dengan sesuatu penyakit, takut sesuatu penyakit itu merebak dan berjangkit kepadanya.

¹⁹⁷ al-Sibā'īe (1997), *op.cit* . , j. 1. , h. 235.

Sehubungan dengan itu, suami dan isteri masing-masing mempunyai hak dan kewajiban antara satu dengan lain dan lebih-lebih lagi hak isteri untuk mendapat pergaulan serta hubungan seksual (*istimtā'*) yang berkekalan daripada suami. Hakikat ini dapat dilihat dalam sebuah riwayat bahawa isteri 'Abd Allāh bin 'Amrū bin al-'Āṣ telah mengadu kepada Rasulullah s.'a.w mengenai sikap suaminya yang telah mengabaikan haknya lantaran kuat beribadat. Rasulullah s.'a.w lantas telah memerintahkan 'Abd. Allah supaya menunaikan hak isteri dalam soal hubungan seksual melalui sabdanya: ¹⁹⁸

ان لزوجك عليك حقا

Di atas dasar inilah, majoriti para fuqaha' bersependapat bahawa telah menjadi hak isteri untuk menuntut fasakh apabila suaminya mengidap penyakit impoten, gila atau sebagainya yang boleh menghalang berlaku hubungan seksual.

—

2.7 Kesimpulan

Dengan merujuk kepada pendapat dan pandangan-pandangan yang telah diutarakan oleh para fuqaha' dari pelbagai mazhab, didapati jelas sekali bahawa keempat-empat imam mazhab telah mengharuskan fasakh terhadap penyakit-penyakit yang dikategorikan sebagai penyakit yang boleh berlaku kepada lelaki dan wanita iaitu penyakit *al-junūn*, *al-judhām* dan *al-harās*.

¹⁹⁸ *Ibid*

Begitu juga mereka telah bersependapat dalam mengharuskan fasakh bagi penyakit yang khusus kepada lelaki sahaja seperti *al-'unnah*, *al-jabb* dan *al-khiṣā'* walaupun terdapat khilaf fuqaha' mengenainya. Dalam hal ini, pendapat fuqaha boleh dibahagikan kepada dua bahagian, pertamanya bagi penyakit terpotong zakar (*al-jabb*), hakim boleh memfasakhkan suami dengan isteri secara segera kerana suami yang mengalami masalah zakar terpotong tidak mungkin pulih seperti sediakala. Tambahan pula penyakit *al-jabb* ini tidak memungkinkan suami melakukan hubungan seksual dengan isterinya kembali.

Keduanya, bagi masalah penyakit impoten (*al-'unnah*), dan kembiri (*al-khiṣā'*), sama ada penyakit tersebut dialami sejak lahir atau sebaliknya, isteri tetap berhak untuk fasakh. Cuma dalam kes impoten ini, suami terlebih dahulu diberi tempoh masa untuk menjalani rawatan pemulihan selama setahun. Jika setelah melalui tempoh masa yang ditetapkan, suami masih tidak pulih atau masih gagal menyetubuhi isterinya, barulah hakim membuat keputusan untuk memfasakhkan mereka berdua.

Bagi penyakit gila, kusta dan sopak pula, majoriti fuqaha' khususnya mazhab Syāfi'īe dan Mālikī telah membuat beberapa pra syarat yang ketat sebelum suami atau isteri dibolehkan untuk melakukan fasakh. Di antara pra syarat yang dibuat ialah dengan menetapkan fasakh hanya boleh dilakukan setelah ketiga-tiga penyakit tersebut disahkan oleh pakar perubatan yang berautoriti seperti mana yang dinyatakan dalam mazhab Mālikī dan Syāfi'īe.

Bagi mazhab Syāfi'īe sendiri berpendapat, khususnya bagi penyakit kusta dan sopak tidak harus dijadikan alasan fasakh kecuali keadaan yang betul-betul

kritikal.¹⁹⁹ Selain itu, hendaklah dipastikan benar-benar bahawa penyakit–penyakit tersebut sudah sampai ke tahap yang boleh menghalang suami dan isteri melakukan hubungan seksual (*istimtāʿ*) walaupun halangan tersebut disebabkan oleh perasaan jijik atau benci terhadap penyakit yang dialami atau sebagainya.

Satu lagi syarat yang perlu diambil kira sebelum menuntut fasakh ialah tempoh masa menjalani rawatan perubatan. Namun begitu, fuqaha' mazhab yang empat telah tidak sependapat dalam memberikan tempoh rawatan untuk mengubati penyakit. Mazhab Syāfi'īe misalnya tidak mensyaratkan tempoh untuk menjalani rawatan sebelum fasakh, walaupun mereka berpendapat fasakh itu hendaklah dilakukan dengan segera (*'alā al-fawr*).

Sebaliknya, mazhab Mālikī nampaknya lebih praktikal dan relevan dengan senario dunia perubatan masa kini yang serba moden dan canggih dengan memberikan tempoh selama setahun kepada suami isteri yang menghidapi sesuatu penyakit untuk menjalani rawatan. Menurut mazhab Mālikī juga mereka tidak membezakan di antara penyakit kusta atau gila kerana tempoh untuk rawatan bagi kedua-dua penyakit adalah sama iaitu selama setahun (*yū'ajjal sanah*). Apabila penyakit yang dialami itu telah sembuh sepenuhnya maka suami-isteri tersebut kekal di dalam ikatan perkahwinan mereka, sebaliknya jika telah berlalu masa rawatan yang diberikan namun penyakit yang dialami tidak juga sembuh, barulah difasakhkan suami isteri. Keputusan untuk fasakh itu pula mestilah telah thabit di hadapan hakim dan diputuskan oleh hakim.²⁰⁰

¹⁹⁹ Muḥammad al-Zuhrī al-Ghamrāwī (1933), *al-Strāj al-Wahāj 'Alā Matan al-Minhāj al-Nawawī*, Mesir: al-Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, h. 383.

²⁰⁰ *Ibid.*, h. 382.

Secara ringkasnya, para fuqaha' telah meletakkan beberapa syarat asasi yang perlu diberi perhatian serta diikuti sebagai panduan oleh suami-isteri sebelum mereka menuntut fasakh kerana alasan penyakit. Syarat ini juga sebenarnya adalah khusus bagi penyakit yang berkaitan dengan alat seksual dan penyakit yang boleh menghalang hubungan seksual.²⁰¹ Antara syarat-syarat tersebut ialah :

1. Fasakh itu dituntut oleh pihak isteri. Sekiranya pihak isteri tidak bercadang untuk membuat tuntutan fasakh, tidak harus difasakhkan di antara mereka berdua.
2. Hendaklah isteri itu tidak mengidap sebarang jenis penyakit yang berkaitan dengan hubungan seksual seperti *al-ratq* dan *al-qarn*.
3. Sebarang jenis penyakit yang dihidapi oleh suami mestilah tidak diketahui oleh isteri sebelum daripada berlangsungnya akad perkahwinan.
4. Sekiranya isteri telah mengetahui penyakit yang dihidapi oleh suami selepas akad perkahwinan, disyaratkan pula isteri itu mestilah tidak meredai penyakit tersebut. Jika isteri reda bererti gugurlah hak isteri untuk fasakh.
5. Hendaklah suami dalam keadaan sihat untuk menjalani rawatan. Jika suami sakit hendaklah ditunggu sehingga sembuh dan kemudian baru diberi tempoh selama setahun untuk menjalani rawatan khususnya suami yang mengidap impoten (*al-'innīn*). Syarat-syarat di atas lebih berpihak

²⁰¹ al-Sibā'ie (1997), *op.cit.* , h. 234

kepada mazhab Ḥanafī dan diterima pakai dalam perundangan negeri Syria.²⁰²

Walaupun bagaimanapun, syarat-syarat di atas adalah sebagai asas sahaja dalam menentukan pelaksanaan hukum fasakh kerana alasan penyakit. Sebahagian daripada fuqaha' tetap juga mengharuskan suami atau isteri menuntut fasakh dalam keadaan-keadaan tertentu demi untuk mencapai *maṣlahah* (kepentingan) kedua-dua pihak tanpa melihat siapa yang mengidap penyakit dan tidak menetapkan sama ada penyakit yang dihidapi itu berlaku selepas atau sebelum akad perkahwinan berlangsung seperti pendapat mazhab Syāfi'ite dan Ḥanbalī.²⁰³

Sesetengah fuqaha' pula telah menetapkan syarat yang lebih ketat daripada syarat-syarat di atas bagi mengelakkan berlaku perceraian secara sewenang-wenangnya tanpa batasan, khususnya bagi mazhab Ḥanafī dan Mālikī.²⁰⁴ Namun kedua-dua pendapat dan pandangan fuqaha' di atas mempunyai objektif yang tersendiri demi mencapai masalah 'ammah yang menjadi *maqāsid al-syarī'ah* (objektif syarak) yang memelihara lima perkara *daruriyyat* iaitu *al-dīn* (agama), *al-nafs* (jiwa atau nyawa), *al-'aql* (akal), *al-nasl* (kehormatan dan keturunan) dan *al-māl* (harta).

²⁰² al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, j. 7, h. 522

²⁰³ *Ibid.*, h. 523

²⁰⁴ *Ibid.*, h. 522